

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN  
SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) 1991

SUSUNAN PASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula herkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

DEPOSITORI PUSAT

3. Sekatan ke atas penubuhan depositori pusat.
4. Permohonan bagi kelulusan untuk menubuhkan dan menyenggarakan depositori pusat.
5. Kuasa Menteri unmk meluluskan penubuhan depositori pusat.
6. Menteri boleh menubuhkan jawatankuasa penasihat.
7. Msnteri hendaklah diberitahu tentang pindaan kepada kaedah-kaedah dan kuasa Menteri untuk meminda kaedah-kaedah.
8. Tugas depositori pusat untuk memastikan keteraturan urusanniaga sekuriti-sekuriti telah-deposit.
9. Ejen-ejen depositori diberikuasa, penerbit-penerbit. dsb. hendaklah mematuhi kaedah-kaedah depositori pusat.
10. Depositori pusat hendaklah memberikan bantuan kepada Pendaftar.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNGAN DENGAN  
SEKURITI-SEKURITI TELAH-DEPOSIT

PENGGAL I—PENDEPOSITAN SEKLJRITI-SF.KURITI

11. Tafsiran.
12. Tugas-tugas depositori pusat.
13. Ejen depositori diberikuasa.

## Fasal

14. Bursa saham hendaklah menetapkan sekuriti-sekuriti yang boleh didepositkan dengan depositori pusat.
15. Peruntukan-peruntukan peralihan berhubung dengan perdagangan sekuriti-sekuriti ditetapkan.
16. Depositori pusat boleh menetapkan tarikh terakhir bagi penerimaan skrip bagi penjagaan se(amat).
17. Sekuriti-sekuriti yang tak didepositkan tidak boleh diperdagangkan di pasaran saham atau digunakan untuk menyelesaikan perdagangan pasaran.
18. Penentusahan skrip-skrip dan pemindahan kepada depositori pusat atau syarikat namaan.
19. Depositori pusat dan ejen depositori diberikuasa tidak bertanggung bagi kerugian.
20. Pengeluaran sijil-sijil jumbo.
21. Depositori pusat disifatkan sebagai pemegang amanah tersahaja.

## PENGAL II—PENGHJARAN SEKURITI-SEKURITI

22. Hak untuk mengeluarkan sekuriti-sekuriti telah-deposit.
23. Larangan terhadap perdagangan sekuriti-sekuriti yang dikeluarkan daripada depositori pusat.
24. Bursa saham boleh melarang pengeluaran sekuriti-sekuriti atau kelas sekuriti-sekuriti.

## PENGAL III—AKAUN-AKAUN SEKURITI DAN REKOD-REKOD

25. Akaun-akaun sekuriti.
26. Pengeluaran penyata-penyata akaun.
27. Tugas depositori pusat untuk menyimpan rekod-rekod yang tertentu.
28. Pengiraan stok skrip-skrip secara fizikal.

## PENGAL IV—TRANSAKSI SEKURITI, CATATAN DAN PELBAGAI

29. Urusniaga-urusniaga yang dilaksanakan melalui proses elektronik.
30. Catatan-catatan dalam akaun sekuriti.
31. Catatan-catatan dalam akaun sekuriti berkenaan dengan transaksi luar pasaran.

Fasal

32. Catatan-catatan dalam akaun sekuriti hendaklah menyatakan masa, tarikh dan orang yang membuat catatan.
33. Rekod mengenai catatan adalah keterangan *prima facie*.
34. Rekod pendeposit-pendeposit hendaklah dikeluarkan kepada penerbit atas permintaan.
35. Pendeposit hendaklah dianggap seolah-olah dia seorang anggota.
36. Larangan terhadap pemerolehan, atau urusniaga dengan, sekuriti-sekuriti telah-deposit oleh depository pusat.
37. Tawaran awam.
38. Terbitan bonus, hak, dsb.
39. Pengunderait hendaklah membuka akaun sekuriti.
40. Penggadaian atau persandaran sekuriti.
41. Sekuriti-sekuriti dalam gantungan.

#### BAHAGIAN IV

##### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KERAHSIAAN

42. Kewajipan untuk mengambil langkah-langkah keselamatan yang munasabah.
43. Kewajipan untuk merahsiakan.
44. Sekatan-sekatan ke atas pendedahan maklumat oleh ejen-ejen depository diperkuasa.
45. Pendedahan-pendedahan yang dibenarkan.
46. Pengawalseliaan akses kepada sistem komputer.

#### BAHAGIAN V

##### KESALAHAN-KESALAHAN

47. Pemalsuan rekod-rekod atau akaun-akaun.
48. Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan dan pengubahan rekod-rekod dilarang.
49. Pengemukaan maklumat palsu atau mengelirukan.
50. Kesalahan-kesalahan oleh pertubuhan-pertubuhan perbadanan.
51. Penalti am.

## BAHAGIAN VI

## PENYIASATAN

Fasal

52. Pemakaian Bahagian ini.
53. Kuasa Pendaftar untuk menghendaki pengemukaan rekod-rekod.
54. Kuasa Pendaftar untuk memasuki dan menggeleclah premis, dsb.
55. Penghalangan.
56. Pendedahan kepada Pendaftar.
57. Penyiasatan oleh Pendaftar.
58. Kuasa Mahkamah untuk membuat perintah-perintah tertentu.

## BAHAGIAN VII

## AM

59. Penyimpanan rekod-rekod dan akaun-akaun.
60. Kuasa Pendaftar untuk mengkompaun.
61. Pendakwaan jenayah.
62. Indemniti.
63. Peraturan-peraturan.
64. Sebutan mengenai penerima umpukan dalam Akta Syarikat 1965.
65. Seksyen 69A Akta Syarikat 1965.
66. Sebutan mengenai pemunya dalam seksyen 102 Akta Syarikat 1965.
67. Sebutan mengenai syarikat dalam seksyen 103 Akta Syarikat 1965.
68. Sebutan mengenai anggota-anggota syarikat awam dalam seksyen 166 Akta Syarikat 1965.

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan depository-depository pusat, dan pendepositan, pemegangan, pengeluaran dan urusniaga-urusniaga sekuriti yang didepositkan dengannya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991. Tajuk ringkas dan Mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"akaun sekuriti" ertinya suatu akaun yang diwujudkan oleh sesuatu depository pusat untuk seseorang pendeposit bagi merekodkan pendepositan atau pengeluaran sekuriti-sekuriti dan bagi urusniaga-urusniaga sekuriti-sekuriti tersebut oleh pendeposit itu;

"akses", berhubungan dengan suatu sistem komputer, ertinya memasukkan maklumat ke dalam sistem itu dan pengambilan keluar maklumat daripada sistem itu;

"Akta" termasuklah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"belian-masuk" ertinya belian yang dilaksanakan oleh suatu bursa saham atau tempat penjelasannya, mengikut kaedah-kaedah bursa saham itu, akan sekuriti-sekuriti yang telah gagal diserahkan oleh seseorang penjual pada hari yang ditetapkan bagi penyelesaian;

"bursa saham" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu di bawah subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti 1983;

*Akta 280*

"depositori pusat" ertinya sesuatu syarikat yang diluluskan oleh Menteri di bawah seksyen 5—

- (a) untuk menubuhkan dan mengendalikan suatu sistem bagi pengendalian pusat sekuriti-sekuriti, sama ada atau tidak disenaraikan di mana-mana bursa saham,—
  - (i) yang dengannya kesemua sekuriti itu didepositkan dengan dan dipegang di dalam penjagaan oleh, atau didaftarkan atas nama, syarikat itu atau syarikat namaannya bagi pendeposit-pendeposit dan urusan-urusan berkenaan dengan sekuriti-sekuriti itu dilaksanakan melalui catatan-catatan dalam akaun-akaun sekuriti tanpa penyerahan fizikal skrip-skrip; atau
  - (ii) yang membenarkan atau memudahkan penyelesaian transaksi-transaksi sekuriti atau urusan-urusan sekuriti tanpa penyerahan fizikal skrip-skrip; dan
- (b) untuk mengadakan kemudahan-kemudahan lain dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ber-sampingan dengannya;

"ejen depository diberikuasa", berhubungan dengan mana-mana depository pusat, ertinya seseorang yang dilantik di bawah seksyen 13 untuk menjadi ejen bagi depository pusat itu;

"gadaian" termasuklah gadai-janji;

"jualan-keluar" ertinya jualan yang dilaksanakan oleh suatu bursa saham atau tempat penjelasannya, mengikut kaedah-kaedah bursa saham itu, akan sekuriti-sekuriti yang telah gagal disetujuterima dan dibayar oleh seseorang pembeli apabila diserahkan pada hari yang ditetapkan bagi penyelesaian;

"kaedah-kaedah" ertinya kaedah-kaedah sesuatu depository pusat yang ditubuhkan dan disenggarakan, atau dicadang untuk ditubuhkan dan disenggarakan, oleh sesuatu syarikat dan termasuklah kaedah-kaedah yang terkandung dalam memorandum persatuan dan perkara-perkara persatuan syarikat itu;

"maklumat" termasuklah data yang direkodkan dalam bentuk yang boleh diproses oleh kelengkapan yang berjalan secara automatik sebagai tindakbalas kepada arahan-arahan yang diberikan bagi sesuatu maksud tertentu;

"Menteri" ertinya Menteri Kewangan;

"pasaran saham" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu di bawah subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti 1983;

"Pendaftar" ertinya Pendaftar Syarikat yang dilantik di bawah Akta Syarikat 1965 dan termasuklah mana-mana Pendaftar Serantau, Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar Syarikat; *Akta 125.*

"pendeposit" ertinya seseorang pemegang suatu akaun sekuriti;

"penerbit", berhubungan dengan mana-mana sekuriti telah-deposit, ertinya syarikat awam, perbadanan, kerajaan, atau badan pertubuhan, yang diperbadankan

atau tak diperbadankan, yang menerbitkan sekuriti itu, dan termasuklah mana-mana orang yang melaksanakan fungsi-fungsi sebagai pendaftar atau pengendali penerbitan untuk penerbit tersebut berkenaan dengan sekuriti itu;

"pengguna" ertinya ejen depository diberikuasa, penerbit, bursa saham, pertubuhan perbadanan yang bertindak sebagai tempat penjelasan bagi bursa saham, atau seseorang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, yang boleh diberikan akses kepada sistem komputer sesuatu depository pusat;

"peniaga" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu di bawah subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti 1983;

"rekod" termasuklah, sebagai tambahan kepada sesuatu rekod secara bertulis,—

- (a) apa-apa fotograf;
- (b) apa-apa cakera, pita, alur-bunyi atau alat lain yang di dalamnya terkandung bunyi-bunyian atau data lain (yang bukan imajan tampak) dengan cara yang membolehkannya (dengan atau tanpa bantuan peralatan lain) dikeluarkan semula daripadanya; dan
- (c) apa-apa filem, pita atau alat lain yang di dalamnya terkandung imajan-imajan tampak dengan cara yang membolehkannya (dengan atau tanpa bantuan peralatan lain) dikeluarkan semula daripadanya,

dan apa-apa sebutan mengenai suatu salinan sesuatu rekod termasuklah—

- (i) dalam hal suatu rekod yang termasuk dalam perenggan (b) tetapi tidak perenggan (c) takrif ini, suatu transkrip bunyi-bunyian atau data lain yang terkandung di dalamnya;

- (ii) dalam hal suatu rekod yang termasuk dalam perenggan (c) tetapi tidak perenggan (b) takrif ini, suatu pengeluaran semula yang pegun akan imajan-imajan yang terkandung di dalamnya, sama ada diperbesarkan ataupun tidak; dan
- (iii) dalam hal suatu rekod yang termasuk dalam perenggan (b) dan perenggan (c) takrif ini, transkrip bunyi-bunyian atau data lain yang terkandung di dalamnya bersama-sama dengan pengeluaran semula yang pegun akan imajan-imajan yang terkandung di dalamnya;

"sekuriti" ertinya debentur, nota, saham dan syer di dalam sesuatu syarikat awam atau perbadanan, atau bon mana-mana kerajaan atau mana-mana badan, yang diperbadankan atau tak diperbadankan, dan termasuklah apa-apa hak atau opsyen yang berkenaan dengannya dan apa-apa kepentingan sepertimana yang ditakrifkan dalam seksyen 84 Akta Syarikat 1965;

"sekuriti bukan pembawa" ertinya sekuriti yang lain daripada sekuriti pembawa;

"sekuriti hutang" ertinya debentur, bon, nota, atau suratcara lain yang sepertinya yang merupakan atau yang menjadi keterangan keterhutangan, sama ada bercagar atau selainnya;

"sekuriti pembawa" ertinya sekuriti yang hakmilik kepadanya boleh dipindahkan melalui penyerahan (sama ada dengan atau tanpa pengendorsan) skrip yang merupakan sekuriti tersebut;

"sekuriti telah-deposit" ertinya sekuriti yang berada pada kredir suatu akaun sekuriti dan termasuklah sekuriti dalam akaun sekuriti yang dalam gantungan;

"sekuriti telah-deposit tak tersenarai" ertinya sekuriti telah-deposit yang lain daripada sekuriti telah-deposit tersenarai;

"sekuriti telah-deposit tersenarai" ertinya sekuriti telah-deposit yang disebut harga pada senarai rasmi suatu bursa saham;

"senarai rasmi", berhubungan dengan suatu bursa saham, ertinya senarai yang menyatakan kesemua sekuriti yang telah dimasukkan untuk disebut harga pada bursa saham itu;

"sistem komputer", berhubungan dengan sesuatu depositori pusat, ertinya sistem komputer, yang diwujudkan oleh depositori pusat, yang menjadi sebahagian daripada sistem bagi pengendalian pusat sekuriti-sekuriti yang antara lainnya terdiri daripada—

- (a) kelengkapan pusat yang terdiri daripada perkakasan, dan perisian yang berkaitan dengan perkakasan itu, yang terletak di premis depositori pusat itu; dan
- (b) terminal-terminal yang terletak di premis pengguna-pengguna;

"skrip" ertinya apa-apa dokumen yang adalah, atau yang adalah dokumen hakmilik kepada, sekuriti;

"syarikat anggota" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu di bawah subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti 1983;

"syarikat namaan", berhubungan dengan sesuatu depositori pusat, ertinya suatu syarikat yang dilantik oleh depositori pusat itu bagi maksud memegang mana-mana sekuriti telah-deposit;

"urusniaga", berhubungan dengan mana-mana sekuriti telah-deposit, termasuklah penggadaian atau persandaran sekuriti telah-deposit itu oleh seseorang pendeposit.

(2) Sesuatu sebutan mengenai tulisan hendaklah disifatkan sebagai termasuklah apa-apa cara penggambaran atau pengeluaran semula huruf-huruf, angka-angka atau tanda-tanda dalam bentuk boleh nampak.

(3) Sesuatu sebutan mengenai sekuriti yang didepositkan, atau dikehendaki didepositkan, dengan suatu depository pusat hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai pendepositan atau kehendak bagi pendepositan—

- (i) skrip;
- (ii) suratcara pemindahan, jika ada; atau
- (iii) apa-apa dokumen lain yang merupakan sekuriti itu,

dengan depository pusat itu.

## BAHAGIAN II

### DEPOSITORI PUSAT

3. (1) Tiada seorang pun boleh menubuhkan dan menyenggarakan atau mengemukakan dirinya sebagai menyenggarakan suatu depository pusat melainkan jika suatu kelulusan secara bertulis telah diberikan oleh Menteri di bawah seksyen 5.

Sekatan ke atas penubuhan depository pusat.

(2) Seseorang yang melanggar peruntukan-peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun alau kedua-duanya.

4. (1) Mana-mana syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang bercadang untuk menubuhkan dan menyenggarakan suatu depository pusat hendaklah memohon secara bertulis kepada Menteri bagi kelulusan.

Permohonan bagi kelulusan untuk menubuhkan dan menyenggarakan depository pusat.

(2) Permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan yang berikut:

- (a) suatu salinan memorandum dan perkara-perkara persatuan, yang telah ditentukan dengan sewajarnya melalui suatu akuan berkanun yang dibuat oleh seorang pengarah pemohon;

- (b) suatu salinan kunci kira-kira, akaun untung rugi yang diaudit (bersama dengan apa-apa nota mengenainya) yang terakhir dan laporan-laporan, jika ada, daripada juruaudit-juruaudit dan pengarah-pengarah pemohon;
- (c) suatu pernyataan mengenai yang berikut:
  - (i) nama, tempat dan tarikh perbadanan pemohon;
  - (ii) pejabat berdaftar dan tempat ataupun tempat yang dicadangkan bagi perniagaan pemohon;
  - (iii) nama dan alamat pengarah-pengarah pemohon dan perbadanan-perbadanan berkaitannya, dan pemegang-pemegang syer substansial, mengikut pengertian seksyen 69D Akta Syarikat 1965, bagi pemohon dan perbadanan-perbadanan berkaitannya; dan
  - (iv) nama bursa saham, jika ada, yang berkenaan dengannya depositori pusat itu akan ditubuhkan dan disenggarakan;
- (d) maklumat pengendalian mengenai sistem yang akan diwujudkan dan disenggarakan oleh depositori pusat itu;
- (e) suatu salinan kaedah-kaedah yang akan terpakai bagi depositori pusat itu;
- (f) fee-fee dan caj-caj yang dicadangkan yang akan dikenakan oleh pemohon berkenaan dengan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang akan diadakan oleh depositori pusat itu, termasuklah fee-fee dan caj-caj bagi—
  - (i) perwujudan dan penyenggaraan akaun-akaun sekuriti;
  - (ii) pendepositan dan pengeluaran sekuriti-sekuriti;

- (iii) pengeluaran penyata-penyata akaun di bawah seksyen 26;
  - (iv) pembuatan catatan-catatan dalam akaun-akaun sekuriti berkenaan dengan transaksi-transaksi luar pasaran di bawah seksyen 31;
  - (v) pengeluaran rekod-rekod pendeposit-pendeposit di bawah seksyen 34;
  - (vi) pembuatan catatan-catatan dalam akaun-akaun sekuriti menurut apa-apa gadaian atau sandaran sekuriti-sekuriti telah deposit di bawah seksyen 40; dan
- (g) apa-apa maklumat atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Menteri bagi maksud-maksud menentukan permohonan dan kesesuaian pemohon itu untuk menubuhkan dan menyenggarakan suatu depository pusat.

(3) Pada bila-bila masa selepas menerima sesuatu permohonan, Menteri boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemohon memberikan maklumat atau dokumen-dokumen tambahan.

5. (1) Menteri boleh secara bertulis meluluskan sesuatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen 4 bagi penubuhan dan penyenggaraan suatu depository pusat jika dia berpuas hati—

Kuasa Menteri  
untuk  
meluluskan  
penubuhan  
depository  
pusat

- (a) bahawa suatu bursa saham adalah suatu pemegang syer pemohon;
- (b) bahawa kaedah-kaedah pemohon itu membuat peruntukan yang memuaskan—
  - (i) berkenaan dengan syarat-syarat yang di bawahnya sekuriti-sekuriti boleh didepositkan dengan, dipegang oleh, dikeluarkan daripada, atau dipindahkan dalam, depository pusat itu;
  - (ii) bagi pemegangan sekuriti-sekuriti yang didepositkan dengan depository pusat itu atau syarikat namaannya;

- (iii) bagi pemprosesan urusanniaga-urusanniaga sekuriti-sekuriti telah-deposit;
  - (iv) bagi memudahkan penyelesaian sekuriti-sekuriti telah-deposit;
  - (v) bagi perlindungan kepentingan-kepentingan pendeposit-pendeposit dan perlindungan dan pengawalan maklumat mengenai sekuriti-sekuriti telah-deposit dan urusanniaga-urusanniaga berkenaan dengannya;
  - (vi) bagi mengawasi pematuhan, dan bagi penguatkuasaan, kaedah-kaedah depositori pusat itu;
  - (vii) berkenaan dengan penyenggaraan polisi atau polisi-polisi insurans, dan penubuhan dan penyenggaraan kumpulan-kumpulan wang pampasan, bagi maksud menyelesaikan tuntutan-tuntutan oleh pendeposit-pendeposit terhadap depositori pusat itu, syarikat-syarikat namaannya dan ejen-ejen depositori diberikuasanya; dan
  - (viii) pada amnya bagi menjalankan urusan depositori pusat itu dengan memberikan perhatian yang wajar kepada kepentingan awam; dan
- (c) bahawa penubuhan dan penyenggaraan depositori pusat itu akan menggalakkan perkembangan positif pasaran modal di Malaysia dan bahawa kepentingan orang awam yang mengurusniaga dengan sekuriti-sekuriti telah-deposit (sama ada atau tidak disenaraikan di suatu bursa saham) akan tercapai dengan pemberian kelulusannya.
- (2) Menteri boleh, dalam meJuluskan mana-mana permohonan di bawah subseksyen (1), mengenakan—
- (a) kehendak-kehendak berkenaan dengan modal berbayar atau modal dibenarkan depositori pusat itu;

- (b) syarat-syarat berhubungan dengan pemegangan syer anggota-anggota depository pusat itu; dan
- (c) apa-apa kehendak atau syarat lain sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

6. (1) Menteri boleh menubuhkan suatu jawatankuasa penasihat berkenaan dengan suatu depository pusat yang fungsinya adalah— Menteri boleh menubuhkan jawatankuasa penasihat.

- (a) untuk menasihati depository pusat itu mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan oleh depository tersebut;
- (b) untuk membuat syor-syor atau cadangan-cadangan bagi memperbaiki kecekapan depository pusat itu; dan
- (c) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Suatu jawatankuasa penasihat yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang wakil setiap satu dari—
  - (i) Jawatankuasa Terbitan Modal yang ditubuhkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983;
  - (ii) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;
  - (iii) Bank Negara Malaysia;
  - (iv) suatu bursa saham; dan
  - (v) depository pusat itu;

(d) tidak kurang daripada enam tetapi tidak lebih daripada lapan orang anggota lain yang telah mempunyai pengalaman mengenai, dan menunjukkan keupayaan dalam, perkara-perkara yang berhubungan dengan pasaran modal, kewangan atau pelaburan.

(3) Menteri boleh melantik seseorang untuk menjadi anggota sementara jawatankuasa itu dalam masa ketakupayaan sementara mana-mana anggota oleh sebab sakit, atau dalam masa mana-mana anggota tidak berada buat sementara waktu di dalam Malaysia.

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama dua tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(5) Perlantikan seseorang anggota boleh dibatalkan oleh Menteri pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(6) Seseorang anggota boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditujukan kepada Menteri.

Menteri hendaklah diberitahu tentang pindaan kepada kaedah-kaedah dan kuasa Menten untuk meminda kaedah-kaedah.

7. (1) Jika sesuatu pindaan dibuat kepada kaedah-kaedah suatu depositori pusat, depositori pusat itu hendaklah mengemukakan suatu notis bertulis mengenainya kepada Menteri.

(2) Jika notis mengikut peruntukan-peruntukan subseksyen (1) tidak diberikan dalam masa dua puluh satu hari selepas sesuatu pindaan itu dibuat, pindaan itu hendaklah terhenti berkuatkuasa.

(3) Menteri boleh dalam masa dua puluh satu hari selepas menerima notis di bawah subseksyen (1) memberikan notis kepada depositori pusat yang berkenaan itu bahawa dia tidak membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian tertentu daripada pindaan yang berkenaan itu dan dengan demikian keseluruhan atau bahagian yang tertentu itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terhenti berkuatkuasa dan berkesan.

(4) Walau apa pun peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Menteri boleh dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan depositori pusat itu, meminda kaedah-kaedah depositori pusat tersebut melalui notis bertulis yang menyatakan pindaan-pindaan itu dan tarikh-tarikh pindaan-pindaan itu hendaklah mula berkuatkuasa.

(5) Mana-mana notis di bawah seksyen ini bolehlah disampaikan kepada diri atau melalui pos.

8. (1) Sesuatu depositori pusat hendaklah mengambil semua langkah dan melakukan semua perkara yang perlu untuk memastikan keteraturan urusan-urusan sekuriti yang telah didepositkan atau diserahkan dengannya.

Tugas depositori pusat untuk memastikan keteraturan urusan-urusan sekuriti telah-deposit.

(2) Sesuatu depositori pusat boleh, dalam melaksanakan fungsinya di bawah subseksyen (1), memberi penerbit mana-mana sekuriti telah-deposit arahan—

- (a) supaya melakukan sesuatu perbuatan atau perkara yang tertentu; atau
- (b) supaya tidak melakukan sesuatu perbuatan atau perkara yang tertentu.

(3) Penerbit yang gagal mematuhi mana-mana apa-apa arahan yang diberikan oleh suatu depositori pusat di bawah subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau keduanya.

9. (1) Mana-mana orang yang ialah ejen depositori diberikuasa, penerbit, pendeposit, atau pengguna hendaklah mematuhi, menguatkuasakan atau melaksanakan kaedah-kaedah sesuatu depositori pusat setakat yang kaedah-kaedah itu berupa sebagai terpakai bagi orang itu.

Ejen-ejen depositori diberikuasa, penerbit, dsb. hendaklah mematuhi kaedah-kaedah depositori pusat.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "kaedah-kaedah" termasuklah mana-mana arahan yang diberikan, dari semasa ke semasa, oleh sesuatu depositori pusat kepada mana-mana orang menurut mana-mana peruntukan Akta ini.

Depositori pusat hendaklah membenkan bantuan kepada Pendaftar.

10. (1) Sesuatu depositori pusat hendaklah memberi Pendaftar apa-apa bantuan yang semunasabahnya dikehendaki olehnya bagi pelaksanaan fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya di bawah Akta ini.

(2) Pendaftar adalah berhak pada setiap masa yang munasabah mendapat akses yang penuh dan bebas kepada mana-mana bahagian premis sesuatu depositori pusat bagi maksud memastikan pematuhan Akta ini.

(3) Seseorang yang enggan atau gagal, tanpa alasan yang sah, memberi Pendaftar akses kepada mana-mana premis yang disebutkan dalam subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### BAHAGIAN III

#### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNGAN DENGAN SEKURITI-SEKURITI TELAH-DEPOSIT

##### PENGGAL I—PENDEPOSITAN SEKURITI-SEKURITI

Tafsiran.

11. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"hari pasaran", berhubung dengan sesuatu bursa saham, ertinya hari suatu pasaran saham bursa saham itu dibuka untuk perdagangan sekuriti-sekuriti;

"juruaudit syarikat diluluskan" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965;

"rekod pendeposit-pendeposit" ertinya suatu rekod yang diberikan oleh suatu depository pusat kepada suatu penerbit di bawah seksyen 34 yang mengandungi butir-butir yang dinyatakan dalam subseksyen (3) seksyen tersebut;

"sekuriti ditetapkan" ertinya sekuriti yang telah ditetapkan oleh sesuatu bursa saham untuk didepositkan dengan suatu depository pusat di bawah seksyen 14;

"sijil jumbo", berhubungan dengan sekuriti telah-deposit, ertinya suatu sijil yang terdiri daripada tidak kurang daripada lima puluh ribu unit sekuriti sesuatu penerbit yang didaftarkan di atas nama suatu depository pusat atau syarikat namaannya, sebagai namaan bagi pendeposit-pendeposit;

"tarikh ditetapkan", berhubungan dengan mana-mana sekuriti ditetapkan, ertinya tarikh yang dinyatakan dalam notis yang diberikan oleh suatu bursa saham di bawah seksyen 14 sebagai hari terakhir sekuriti ditetapkan itu boleh diperdagangkan di suatu pasaran saham bursa saham itu melainkan jika sekuriti itu telah didepositkan dengan depository pusat;

"tarikh pemberitahuan" ertinya tarikh notis menurut subseksyen 14 (2) diberikan oleh suatu bursa saham.

12. (1) Sesuatu depository pusat hendaklah mengadakan atau menyebabkan diadakan segala kemudahan sebagaimana yang perlu—

Tugas-tugas  
depository  
pusat.

- (a) untuk memudahkan pendepositan dan pengeluaran cekap sekuriti-sekuriti;
- (b) untuk memudahkan pendaftaran urusanniaga-urusanniaga sekuriti-sekuriti telah-deposit;
- (c) untuk memastikan penjagaan selamat skrip-skrip dan dokumen-dokumen lain yang merupakan sekuriti-sekuriti telah-deposit;
- (d) untuk menjaga daripada pemalsuan apa-apa rekod atau akaun yang dikehendaki supaya

disimpan atau disenggarakan di bawah Akta; dan

- (e) untuk mewujudkan suatu sistem yang patut dan cekap bagi penentusahan, pemeriksaan, pengenalpastian dan perekodan kesemua sekuriti yang didepositkan dengan depositori pusat itu.

(2) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, menetapkan tugas-tugas lain yang hendaklah dilaksanakan oleh sesuatu depositori pusat sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

Ejen  
depositori  
diberikuasa.

13. (1) Tertakluk kepada Akta ini, sesuatu depositori pusat boleh melantik mana-mana orang yang disebutkan dalam subseksyen (2) untuk menjadi ejen depositori diberikuasanya bagi segala atau mana-mana maksud berikut:

- (a) untuk memudahkan pendepositan dan pengeluaran sekuriti-sekuriti;
- (b) untuk membuka, menyenggarakan dan menutup akaun-akaun sekuriti;
- (c) untuk membuat catatan-catatan dalam akaun-akaun sekuriti;
- (d) untuk memungut fee-fee dan caj-caj yang dikenakan oleh depositori pusat itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah-kaedahnya; dan
- (e) apa-apa maksud lain yang bersampingan dan berkaitan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu depositori pusat boleh melantik sebagai ejen depositori diberikuasanya mana-mana yang berikut:

- (a) suatu bursa saham;
- (b) suatu pertubuhan perbadanan yang bertindak sebagai tempat penjelasan bagi suatu bursa saham;

- (c) suatu syarikat anggota;
- (d) suatu bank, bank saudagar atau syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah subseksyen 6(4) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989; *Akta 372.*
- (e) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983; *Akta 276.*
- (f) suatu bank yang ditubuhkan di bawah suatu Akta Parlimen; atau
- (g) suatu pertubuhan perbadanan daripada jenis yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini,

dan mana-mana ejen depositori diberikuasa yang dilantik sedemikian, dalam menjalankan segala atau mana-mana maksud yang disebutkan dalam subseksyen (1), hendaklah, apabila dikehendaki sedemikian oleh depositori pusat itu atau oleh Pendaftar, berkenaan dengan maksud-maksud tersebut, dibenarkan memberikan, membuka, menzahirkan atau mendedahkan kepada depositori pusat itu atau kepada Pendaftar apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan sesuatu akaun sekuriti.

(3) Seseorang tidak boleh bertindak sebagai ejen depositori diberikuasa atau mengemukakan dirinya sebagai ejen depositori diberikuasa melainkan jika dia telah dilantik sedemikian secara bertulis oleh suatu depositori pusat.

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

14. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), sesuatu bursa saham boleh, dari semasa ke semasa selepas berunding dengan suatu depositori pusat, menetapkan bahawa mana-mana sekuriti, yang disenaraikan atau yang dicadangkan untuk disenaraikan bagi disebut harga pada senarai rasminya, hendaklah didepositkan dengan depositori pusat itu.

Bursa saham hendaklah menetapkan sekuriti-sekuriti yang boleh didepositkan dengan depositori pusat.

(2) Sesuatu bursa saham hendaklah memberikan notis kepada orang awam mengenai semua sekuriti yang ditetapkan olehnya untuk didepositkan dengan depository pusat melalui iklan dalam tidak kurang daripada tiga buah akhbar kebangsaan harian, satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan satu dalam bahasa Inggeris.

(3) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2) hendaklah mengenalpasti sekuriti ditetapkan itu dan hendaklah menyatakan suatu tarikh (yang tidak kurang daripada satu bulan dari tarikh notis itu disiarkan) yang pada atau sebelumnya sekuriti-sekuriti tersebut hendaklah didepositkan.

(4) Bagi maksud-maksud Akta ini, pendepositan mana-mana sekuriti ditetapkan oleh seseorang dengan ejen depository diberikuasa suatu depository pusat hendaklah disifatkan sebagai suatu pendepositan sekuriti itu dengan depository pusat itu.

Peruntukan-peruntukan peralihan berhubung dengan perdagangan sekuriti-sekuriti ditetapkan.

15. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi semua perdagangan sekuriti-sekuriti ditetapkan dalam tempoh yang bermula pada hari selepas sahaja tarikh pemberitahuan dan yang berakhir pada tarikh ditetapkan.

(2) Tiada seorang pun boleh berdagang mana-mana sekuriti ditetapkan di suatu pasaran saham tanpa mempunyai suatu akaun sekuriti.

(3) Skrip yang merupakan sekuriti ditetapkan yang dijual pada atau selepas tarikh pemberitahuan dan diserahkan oleh, atau bagi pihak, seseorang penjual kepada ejen depository diberikuasa bagi maksud menyelesaikan suatu jualan hendaklah, atas penyelesaiannya, dihantarkan oleh ejen itu kepada penerbit skrip itu bersama-sama dengan suratcara pemindahan yang relevan, jika ada.

(4) Peruntukan-peruntukan subseksyen 18(2) hingga 18(8) hendaklah terpakai bagi—

(a) semua ejen depository diberikuasa; dan

- (b) penerbit-penerbit yang dengannya dokumen-dokumen yang disebutkan dalam subseksyen (3) seksyen ini telah diserahkan.

16. (1) Sesuatu depository pusat boleh, melalui notis, menetapkan suatu tarikh yang selepasnya tiada syarikat anggota atau namaan sesuatu syarikat anggota boleh menerima skrip yang merupakan sekuriti ditetapkan semata-mata bagi penjagaan selamat.

Depositori pusat boleh menetapkan tarikh terakhir bagi penerimaan skrip bagi penjagaan selamat.

(2) Sesuatu depository pusat hendaklah memberikan notis kepada orang awam tentang tarikh yang ditetapkan dalam subseksyen (1) melalui iklan dalam tidak kurang daripada tiga buah akhbar kebangsaan harian, satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan satu dalam bahasa Inggeris.

17. (1) Sesuatu sekuriti ditetapkan tidak boleh, selepas tarikh ditetapkan, diperdagangkan di suatu pasaran saham melainkan jika sekuriti tersebut telah didepositkan dengan suatu depository pusat.

Sekuriti-sekuriti yang tak didepositkan tidak boleh diperdagangkan di pasaran saham atau digunakan untuk menyelesaikan perdagangan pasaran.

(2) Sesuatu sekuriti ditetapkan boleh, pada bila-bila masa selepas tarikh ditetapkan, didepositkan oleh seseorang pendeposit dengan depository pusat itu tetapi sekuriti tersebut tidaklah boleh digunakan untuk menyelesaikan sesuatu transaksi yang dilakukan di suatu pasaran saham sebelum daripada tarikh pendepositan sekuriti itu.

18. (1) Sesuatu depository pusat atau ejen depository diberikuasanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, dalam tempoh yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah, selepas pendepositan oleh mana-mana orang akan sesuatu skrip yang merupakan sesuatu sekuriti ditetapkan dan suratcara pemindahan yang berkenaan dengannya, jika ada, menyerahsimpan skrip dan suratcara itu dengan penerbit sekuriti itu.

Penentuan skrip-skrip dan pemindahan kepada depository pusat atau syarikat namaan.

(2) Penerbit itu hendaklah, apabila menerima skrip dan suratcara itu, dengan segera melakukan segala tindakan dan perkara yang perlu untuk mendaftarkan pemindahan sekuriti di bawah skrip itu atas nama depository pusat itu atau syarikat namaannya.

(3) Tanpa menjejaskan hak penerbit untuk menolak pendaftaran sesuatu pemindahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, penerbit itu hendaklah menolak pendaftaran pemindahan yang disebutkan dalam subseksyen (2) jika—

- (a) ia menentukan bahawa skrip itu bukan suatu skrip yang tulen atau adalah suatu skrip yang telah dilaporkan hilang atau musnah; atau
- (b) berhubungan dengan mana-mana sekuriti tersebut, ia mendapat tahu bahawa—
  - (i) terdapat suatu penduaan dalam penerbitan skrip yang merupakan sekuriti itu; atau
  - (ii) skrip itu adalah suatu skrip yang diterbitkan dengan melebihi modal syer terbitan penerbit itu; atau
- (c) ia telah disampaikan dengan suatu perintah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten yang melarang apa-apa urusan berkeñaan dengan sekuriti di bawah skrip itu; atau
- (d) suatu perintah di bawah peraturan 8 Peraturan-Peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit) 1986 telah dibuat oleh Bank Negara Malaysia dan disiarkan dalam *Warta* menghalang orang yang mendepositkan skrip itu daripada berurusan dengan mana-mana wang, harta atau asetnya.

*P.U.(A)*  
237186.

(4) Dalam masa tujuh hari pasaran selepas sesuatu pemindahan diserahkan dengan penerbit atau dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan secara bertulis oleh suatu depositori pusat, penerbit itu hendaklah (selain daripada dalam mana-mana hal yang disebutkan dalam subseksyen (3) di atas) menyiapkan dan menyerahkan sijil yang berkenaan kepada depositori pusat itu.

(5) Seksyen 105 Akta Syarikat 1965 tidaklah terpakai berhubungan dengan mana-mana pemindahan yang dikehendaki supaya didaftarkan oleh penerbit menurut

seksyen ini dan subseksyen 15(4), tetapi jika penerbit menolak pendaftaran sesuatu pemindahan sedemikian, ia hendaklah menyampaikan kepada pemindah dan depository pusat itu (yang merupakan penerima pindahan) suatu notis bertulis yang memberikan sebab-sebab bagi penolakan itu.

(6) Walau apa pun peruntukan-peruntukan seksyen 103 Akta Syarikat 1965, sesuatu suratcara pemindahan yang diserahkan dengan penerbit menurut subseksyen (1) hendaklah boleh didaftarkan atas nama suatu depository pusat atau syarikat namaannya jika suratcara itu telah diperakui oleh ejen depository diberikuasa sebagai ganti penyempurnaannya oleh depository pusat itu atau syarikat namaannya.

(7) Bagi maksud-maksud seksyen ini—

- (a) sesuatu suratcara pemindahan hendaklah disifatkan sebagai diperakui jika ia mengandungi perkataan-perkataan "sijil diserahkan bagi pendaftaran atas nama ... (nama depository pusat atau syarikat namaannya, mengikut mana-mana yang berkenaan)...." atau perkataan-perkataan yang bermaksud sedemikian;
- (b) perakuan sesuatu suratcara pemindahan hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat oleh ejen depository diberikuasa jika—
  - (i) orang yang mengeluarkan suratcara itu ialah seseorang yang pada zahirnya diberikuasa untuk mengeluarkan suratcara-suratcara pemindahan yang terperaku bagi pihak ejen itu; dan
  - (ii) perakuan itu telah ditandatangani oleh seseorang yang pada zahirnya diberikuasa untuk memperakui pemindahan-pemindahan bagi pihak ejen itu;
- (c) sesuatu perakuan yang berupa sebagai disahkan melalui tandatangan atau tandatangan ringkas seseorang (sama ada ditulis-tangan atau tidak)

hendaklah disifatkan sebagai ditandatangani oleh orang itu, melainkan jika adalah ditunjukkan bahawa tandatangan atau tandatangan ringkas itu tidak diturunkan olehnya atau tidak diturunkan oleh mana-mana orang lain yang pada zahirnya diberikuasa untuk menggunakan tandatangan atau tandatangan ringkas itu bagi maksud memperakui pemindahan-pemindahan bagi pihak ejen itu.

(8) Penerbit yang gagal mematuhi subseksyen (4) atau (5) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan, boleh, sebagai tambahan, dikenakan hukuman denda harian yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan.

(9) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi sekuriti-sekuriti pembawa.

Depositori  
pusat dan ejen  
depositori  
diberikuasa  
tidak  
bertanggungjawab  
bagi kerugian.

19. (1) Sesuatu depositori pusat dan ejen depositori diberikuasanya tidaklah, kecuali dalam hal apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran sengaja di pihak depositori pusat itu atau ejen depositori diberikuasanya, bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana orang berkenaan dengan sesuatu urusan mana-mana sekuriti yang pemindahannya telah ditolak di bawah seksyen 18.

(2) Subseksyen (1) tidaklah boleh berkuatkuasa untuk melepaskan ejen depositori diberikuasa daripada apa-apa obligasi yang dikenakan ke atasnya oleh kaedah-kaedah sesuatu bursa saham atas sifatnya sebagai suatu syarikat anggota untuk melaksanakan apa-apa belian-masuk, sama ada secara langsung atau selainnya, berikutan daripada penolakan pendaftaran sesuatu pemindahan di bawah seksyen 18.

20. (1) Sesuatu depositori pusat boleh menghendaki penerbit sekuriti-sekuriti telah-deposit untuk mengeluarkan atas nama depositori pusat itu atau syarikat namaannya suatu sijil jumbo bagi sekuriti-sekuriti tersebut.

Pengeluaran  
sijil-sijil  
jumbo.

(2) Penerbit itu hendaklah, apabila menerima suatu kehendak di bawah seksyen ini, dengan segera mengambil apa-apa tindakan yang sesuai bagi pengeluaran sijil jumbo itu kepada depositori pusat itu.

(3) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi sekuriti-sekuriti pembawa.

21. Bagi maksud-maksud perenggan 6A(9)(a) Akta Syarikat 1965, sesuatu depositori pusat atau syarikat namaannya hendaklah, berhubungan dengan sekuriti-sekuriti telah-deposit yang didaftarkan atas namanya, disifatkan sebagai pemegang amanah tersahaja.

Depositori  
pusat  
disifatkan  
sebagai  
pemegang  
amanah  
tersahaja.

## PENGGAL II—PENGELUARAN SEKURITI-SEKURITI

22. (1) Tertakluk kepada seksyen 24 dan peruntukan-peruntukan seksyen ini, seseorang pendeposit boleh, atas permohonan kepada depositori pusat itu, mengeluarkan sesuatu sekuriti yang berada pada kredit akaun sekuritinya.

Hak untuk  
mengeluarkan  
sekuriti-  
sekuriti  
telah-deposit.

(2) Jika suatu permohonan dibuat di bawah seksyen ini untuk mengeluarkan sesuatu sekuriti telah-deposit yang didaftarkan atas nama suatu depositori pusat atau syarikat namaannya, depositori pusat itu hendaklah menyerahkan—

- (a) skrip yang merupakan sekuriti itu; dan
- (b) suratcara pemindahan yang disempurnakan dengan sewajarnya oleh depositori pusat itu atau syarikat namaannya, mengikut mana-mana yang berkenaan,

bagi maksud melaksanakan pemindahan sekuriti itu kepada pendeposit itu atau kepada mana-mana orang yang dinamakan olehnya.

(3) Seseorang pendeposit hendaklah, apabila tuntutan dibuat oleh suatu depository pusat, membayar kepada depository pusat itu amaun yang berkenaan bagi duti setem yang kena dibayar ke atas suratcara pemindahan yang hendak diserahkan dengan penerbit di bawah subseksyen (2).

(4) Walau apa pun peruntukan-peruntukan seksyen 107 Akta Syarikat 1965, penerbit hendaklah, dalam masa dua minggu selepas skrip dan suratcara pemindahan yang berkenaan dengannya itu diserahkan dengannya,—

- (a) menyiapkan dan menyediakan bagi penyerahan kepada pendeposit itu sijil yang berkenaan yang didaftarkan atas nama pendeposit tersebut atau atas nama mana-mana orang yang dinamakan olehnya, dan apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan sekuriti itu, jika ada; dan
- (b) melainkan jika diarahkan selainnya oleh pendeposit itu, menghantar atau menyerahkan sijil yang telah siap itu dan apa-apa dokumen lain, jika ada, kepada pendeposit itu atau kepada mana-mana orang yang dinamakan olehnya.

*Akta 378.*

(5) Bagi maksud-maksud subseksyen (3) dan Akta Setem 1949, balasan bagi pemindahan sesuatu sekuriti kepada seseorang pendeposit hendaklah disifatkan sebagai—

- (a) dalam hal sekuriti telah-deposit tersenarai, harga penutup bagi sekuriti tersebut yang disiarkan oleh suatu bursa saham (di mana sekuriti tersebut disenaraikan) sepertimana pada hari pasaran yang terakhir yang padanya sekuriti tersebut telah diperdagangkan sebelum daripada pengemukaan permohonan di bawah subseksyen (1); dan
- (b) dalam hal sekuriti telah-deposit tak tersenarai, nilai agregat nominal bagi sekuriti tersebut.

23. (1) Sesuatu sekuriti yang telah dikeluarkan daripada suatu depository pusat oleh seseorang pendeposit tidak boleh diperdagangkan di suatu pasaran saham melainkan jika ia didepositkan semula dengan suatu depository pusat.

Larangan terhadap perdagangan sekuriti-sekuriti yang dikeluarkan daripada depository pusat.

(2) Sesuatu sekuriti yang didepositkan semula dengan suatu depository pusat tidaklah boleh digunakan untuk menyelesaikan sesuatu transaksi yang dilakukan di suatu pasaran saham sebelum daripada pendepositan semula sekuriti itu.

(3) Jika sesuatu sekuriti didepositkan semula, peruntukan-peruntukan seksyen 18 hendaklah, berhubungan dengan sekuriti itu, terpakai mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai dalam hal pendepositan sesuatu sekuriti ditetapkan di bawah seksyen tersebut.

24. (1) Sesuatu bursa saham boleh, dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Menteri, menyekat atau melarang pengeluaran mana-mana sekuriti telah-deposit atau kelas sekuriti telah-deposit (yang disebut pada senarai rasminya) bagi apa-apa tempoh dan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya sesuai.

Bursa saham boleh melarang pengeluaran sekuriti-sekuriti atau kelas sekuriti-sekuriti.

(2) Sesuatu bursa saham hendaklah, selepas sahaja mencapai suatu keputusan untuk menyekat atau melarang pengeluaran sekuriti-sekuriti telah-deposit,—

(a) memaklumkan depository pusat mengenai keputusan tersebut; dan

(b) memberikan notis kepada orang awam mengenai—

(i) sekuriti-sekuriti telah-deposit yang disekat atau dilarang daripada dikeluarkan; dan

(ii) tempoh sekatan atau larangan tersebut,

melalui iklan dalam tidak kurang daripada tiga buah akhbar kebangsaan harian, satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan satu dalam bahasa Inggeris.

(3) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi sekuriti-sekuriti telah-deposit tak tersenarai.

### PENGGAL III—AKAUN-AKAUN SEKURITI DAN REKOD-REKOD

Akaun-akaun sekuriti. 25. (1) Tiada seorang pun boleh berurusniaga dengan sekuriti-sekuriti telah-deposit tanpa terlebih dahulu mempunyai suatu akaun sekuriti.

(2) Seseorang ejen depositori diberikuasa yang berurusniaga dengan sekuriti-sekuriti telah-deposit sebagai prinsipal hendaklah, berhubungan dengan urusniaga tersebut, membuka dan menyenggarakan suatu akaun sekuriti dengan depositori pusat.

(3) Sesuatu depositori pusat boleh mewujudkan berlainan jenis akaun-akaun sekuriti untuk orang-orang yang berlainan golongan.

Pengeluaran penyata-penyata akaun. 26. (1) Sesuatu depositori pusat hendaklah mengeluarkan kepada semua pendeposit penyata-penyata akaun berkenaan dengan kesemua sekuriti telah-deposit yang dipegang dalam penjagaan oleh, atau didaftarkan atas nama, depositori pusat itu atau syarikat namaannya untuk pendeposit-pendeposit itu pada masa dan mengikut cara yang ditetapkan di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun peruntukan-peruntukan subseksyen (1), seseorang pendeposit bolehlah, pada bila-bila masa, melalui notis bertulis, menghendaki depositori pusat mengeluarkan kepadanya suatu penyata akaun berkenaan dengan kesemua atau mana-mana sekuriti telah-deposit yang pada masa itu dipegang dalam penjagaan oleh, atau didaftarkan atas nama, depositori pusat itu atau syarikat namaannya bagi pihak pendeposit itu,

(3) Sesuatu depositori pusat hendaklah, apabila menerima suatu notis bertulis di bawah subseksyen (2) dan setelah dibayar apa-apa caj yang dikenakan di bawah kaedah-kaedah, mengeluarkan kepada pendeposit itu penyata yang dikehendaki itu.

(4) Sesuatu penyata akaun yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai kebenaran perkara-perkara yang dinyatakan dalam penyata itu.

27. (1) Sesuatu depository pusat hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan rekod-rekod dan akaun-akaun, dengan cukup terperinci, untuk menunjukkan butir-butir—

Tugas depository pusat untuk menyimpan rekod-rekod tertentu.

- (a) semua wang yang diterima atau dibayar oleh depository pusat itu, termasuklah dividen-dividen yang diterima berkenaan dengan mana-mana sekuriti telah-deposit dan pembayaran dividen-dividen itu kepada pendeposit-pendeposit;
- (b) semua pendapatan yang diterima daripada komisen-komisen, fee-fee, caj-caj dan sumber-sumber lain, dan semua perbelanjaan, komisen, dan pembayaran lain yang dibuat atau dibayar oleh depository pusat itu;
- (c) semua aset dan liabiliti (termasuk liabiliti kontingen) depository pusat itu;
- (d) semua sekuriti telah-deposit dan butir-butir yang menunjukkan untuk siapa skrip-skrip dan suratcara-suratcara pemindahan berkenaan dengan skrip-skrip itu adalah dipegang, dan butir-butir yang menunjukkan pengeluaran-pengeluaran sekuriti-sekuriti itu;
- (e) semua belian dan jualan sekuriti-sekuriti telah-deposit dan butir-butir mengenai urusan-urusan lain yang dibuat berkenaan dengannya, caj-caj dan kredit-kredit yang timbul daripadanya, identiti pembeli dan penjual bagi setiap sekuriti telah-deposit itu atau, dalam hal urusan-urusan lain, identiti orang-orang yang menyempurnakan urusan-urusan itu dan orang-orang yang kepadanya urusan-urusan tersebut disempurnakan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Sesuatu catatan dalam rekod-rekod atau akaun-akaun hendaklah menyatakan tarikh dan masa catatan itu dibuat dan, dalam hal suatu catatan yang dibuat oleh seseorang, identiti orang itu.

(3) Sesuatu catatan dalam rekod-rekod atau akaun-akaun suatu depositori pusat hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai telah dibuat oleh, atau dengan kuasa, depositori pusat itu.

(4) Peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah terpakai, *mutatis mutandis* bagi tiap-tiap ejen depositori diberikuasa.

Pengiraan  
stok skrip-  
skrip secara  
fizikal.

28. (1) Bagi maksud menentusahkan ketepatan mana-mana rekod atau akaun yang disimpan olehnya menurut Akta ini dan bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, sesuatu depositori pusat hendaklah, sebelum atau pada akhir tiap-tiap suku tahun kewangan (dalam seksyen ini disebut "tempoh ditetapkan"), menjalankan suatu pengiraan stok semua skrip yang merupakan sekuriti-sekuriti telah-deposit dan apa-apa dokumen lain berhubungan dengannya yang dipegang dalam penjagaan oleh, atau atas nama, depositori pusat itu atau syarikat namaannya.

(2) Depositori pusat itu hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari selepas berakhirnya tempoh ditetapkan itu, mengemukakan—

- (a) dalam hal di mana terdapat di antara sekuriti-sekuriti telah-deposit itu sesuatu sekuriti telah-deposit tersenarai, kepada bursa saham (di mana sekuriti telah-deposit itu disenaraikan), penerbit-penerbit dan Pendaftar; dan
- (b) dalam hal di mana tidak terdapat di antara sekuriti-sekuriti telah-deposit itu sesuatu sekuriti telah-deposit tersenarai, kepada penerbit-penerbit dan Pendaftar,

suatu laporan mengenai keputusan pengiraan stok tersebut, dan laporan itu hendaklah, jika berkenaan, menyatakan apakah tindakan yang depositori pusat itu

bercadang untuk mengambil berkeñaan dengan apa-apa kekurangan dalam bilangan skrip-skrip yang merupakan sekuriti-sekuriti telah-deposit itu atau apa-apa dokumen lain berhubungan dengannya atau berkeñaan dengan apa-apa ketaktepatan lain dalam rekod-rekod atau akaun-akaunnya.

(3) Walau apa pun peruntukan-peruntukan subseksyen (1), Pendaftar boleh, jika dia tidak berpuas hati dengan laporan itu atau jika difikirkannya sesuai, pada bila-bila masa, menjalankan, atau melantik seorang juruaudit syarikat diluluskan untuk menjalankan, suatu pengiraan stok semua skrip yang merupakan sekuriti-sekuriti telah-deposit itu dan apa-apa dokumen lain berhubungan dengannya.

(4) Jika Pendaftar tidak berpuas hati dengan laporan yang dikemukakan kepadanya oleh suatu depositori pusat di bawah subseksyen (2), dan menjalankan, atau melantik seorang juruaudit syarikat diluluskan untuk menjalankan, suatu pengiraan stok skrip-skrip menurut subseksyen (3), kos dan perbelanjaan yang dilakukan oleh Pendaftar berkeñaan dengannya hendaklah ditanggung oleh depositori pusat itu.

(5) Pendaftar boleh,—

- (a) setelah menerima suatu laporan daripada depositori pusat itu; atau
- (b) setelah menerima suatu laporan daripada seorang juruaudit yang dilantik oleh Pendaftar di bawah subseksyen (3); atau
- (c) selepas menjalankan suatu pengiraan stok menurut subseksyen (3),

memberi depositori pusat itu arahan-arahan sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

(6) Sesuatu depositori pusat yang gagal, tanpa alasan yang sah, untuk mematuhi mana-mana arahan yang diberikan oleh Pendaftar di bawah subseksyen (5) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

PENGGAL IV—TRANSAKSI SEKURITI, CATATAN DAN  
PELBAGAI

Urusniaga-  
urusniaga  
yang  
dilaksanakan  
melalui proses  
elektronik.

29. (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sesuatu urusan oleh seseorang pendeposit berkenaan dengan sesuatu sekuriti telah-deposit hendaklah dilaksanakan melalui suatu catatan dalam akaun sekuriti pendeposit itu.

(2) Tertakluk kepada Bahagian ini, sesuatu urusan yang dilaksanakan di bawah seksyen ini hendaklah berkuatkuasa—

- (a) dalam hal sekuriti bukan pembawa, tanpa memerlukan suatu suratcara secara bertulis; dan
- (b) dalam hal sekuriti pembawa, tanpa memerlukan penyerahan skrip yang merupakan sekuriti itu.

Catatan-  
catatan dalam  
akaun  
sekuriti.

30. Sesuatu catatan dalam akaun sekuriti berkenaan dengan sesuatu urusan hendaklah—

- (a) dalam hal akaun sekuriti yang diwujudkan dan disenggarakan secara langsung oleh suatu depositori pusat, disifatkan sebagai telah dibuat oleh, atau dengan kuasa, depositori pusat itu; dan
- (h) dalam hal akaun sekuriti yang diwujudkan melalui, dan disenggarakan oleh, ejen depositori diberikuasa bagi pihak suatu depositori pusat, disifatkan sebagai telah dibuat oleh, atau dengan kuasa, ejen depositori diberikuasa itu.

Catatan-  
catatan dalam  
akaun sekuriti  
berkenaan  
dengan  
transaksi luar  
pasaran.

31. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), sesuatu depositori pusat atau ejen depositori diberikuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, apabila menerima suatu notis bertulis daripada seseorang pendeposit, membuat suatu catatan dalam akaun sekuriti berkenaan dengan sesuatu urusan sekuriti-sekuriti telah-deposit yang telah disempurnakan oleh pendeposit itu di luar pasaran saham sepertimana dinyatakan olehnya dalam notis itu.

(2) Depositori pusat itu atau ejen depository diberikuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, sebelum membuat catatan itu, menghendaki pengemukaan oleh pendeposit itu akan mana-mana dokumen atau suratcara yang menjadi keterangan urusniaga tersebut.

32. Sesuatu catatan dalam akaun sekuriti yang dibuat di bawah seksyen 30 dan 31 hendaklah menyatakan tarikh dan masa catatan itu dibuat dan, dalam hal suatu catatan yang dibuat oleh seseorang, identiti orang yang membuat catatan itu.

("catatan-catatan dalam akaun sekuriti hendaklah menyatakan masa, tarikh dan orang yang membuat catatan.

33. Suatu rekod mengenai sesuatu catatan dalam akaun sekuriti berkenaan dengan sesuatu urusniaga sekuriti-sekuriti telah-dcposit hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mnggeaai kebenaran perkara-perkara yang direkodkan ilu.

Rekod mengenai catatan adalah keterangan *prima facie*

34. (1) Penerbit mana-mana sekuriti telah-deposit boleh, melalui notis bertulis, menghendaki suatu depository pusat mengeluarkan kepadanya suatu rekod pendeposit-pendeposit yang di dalam akaun-akaun sekuriti mereka sekuriti-sekuriti ilu berada dalam kredit pada tarikh notis itu atau apa-apa tarikh lain sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

Rekod pendeposit pendeposit hendaklah dikeluarkan kepada penerbit atas permintaan.

(2) Rekod pendeposit-pendeposit yang dikehendaki oleh sesuatu penerbit di bawah subseksyen (1) hendaklah dikeluarkan oleh depository pusat itu daiam tempoh yang berikut:

(a) dalam hal di mana penerbit menghendaki pengeluaran suatu rekod pendeposit-pendcposit—

(i) sepertimana pada tarikh notis itu, tidak lewatdaripada tiga hari pasaran dari tarikh tersebut;

- (ii) sepertimana pada suatu tarikh yang terkemudian daripada tarikh notis itu (dalam seksyen ini disebut sebagai "tarikh terkemudian tersebut"). tidak lewat daripada tiga hari pasaran selepas tarikh terkemudian tersebut;
- (b) dalam hal di mana penerbit menghendaki pengeluaran suatu rekod pendeposit- pendeposit sepertimana pada suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh notis itu (yang bukanlah suatu tarikh yang lebih awal daripada satu tahun), tidak lewat daripada satu bulan selepas tarikh notis itu.

*Akta 78*

(3) Rekod pendeposit-pendeposit hendaklah mengandungi nama, alamat, nombor kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959, jika ada, bangsa, kerakyatan, dan apa-apa maklumat lain dan butir-butir mengenai pendeposit-pendeposit itu sebagaimana yang dikehendaki oleh penerbit itu, dan dalam hal penerbit yang adalah suatu syarikat yang mempunyai modal syer, suatu pernyataan mengenai bilangan sekuriti-sekuriti telah-deposit yang diperolehi oleh setiap pendeposit.

(4) Rekod pendeposit-pendeposit yang didapatkan oleh penerbit di bawah seksyen ini hendaklah tersedia ada untuk pemeriksaan oleh mana-mana anggota penerbit itu (termasuklah seseorang pendeposit) tanpa sebarang caj dan oleh mana-mana orang lain, setelah membuat bayaran sebanyak satu ringgit atau suatu jumlah wang yang kurang daripadanya sebagaimana yang dikehendaki oleh penerbit itu, berkenaan dengan setiap pemeriksaan.

(5) Mana-mana anggota sesuatu penerbit atau mana-mana orang lain boleh menghendaki penerbit itu memberikan kepadanya suatu salinan rekod pendeposit-pendeposit, atau mana-mana bahagian daripadanya, tetapi hanya setakat yang berhubungan dengan nama-nama, alamat-alamat, dan bilangan sekuriti-sekuriti yang dipegang, setelah membuat bayaran terlebih dahulu

sebanyak satu ringgit, atau suatu jumlah wang yang kurang daripadanya sebagaimana yang dikehendaki oleh penerbit itu, berkenaan dengan tiap-tiap seratus perkataan atau sebahagian pecahannya yang dikehendaki disalinkan.

(6) Salinan rekod pendeposit-pendeposit, atau mana-mana bahagiannya, yang dikehendaki di bawah subseksyen (5) hendaklah dibekalkan kepada orang yang menghendaki salinan itu dalam tempoh dua puluh satu hari atau suatu tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Pendaftar dalam hal-keadaan itu, bermula dari hari selepas tarikh penerimaan permintaan itu oleh penerbit itu.

35. (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965, seseorang pendeposit mana-mana sekuriti telah-deposit yang namanya terdapat dalam rekod pendeposit-pendeposit hendaklah berhak kepada semua hak, faedah, kuasa dan keistimewaan dan tertakluk kepada semua liabiliti, tugas dan obligasi yang berkenaan dengan, atau yang timbul daripada, sekuriti tersebut (sama ada yang diberikan atau dikenakan oleh Akta Syarikat 1965, atau memorandum atau perkara-perkara persatuan penerbit, atau selainnya) seolah-olah dia adalah seorang anggota yang didaftarkan dalam daftar anggota-anggota yang disenggarakan oleh penerbit sekuriti tersebut menurut Akta tersebut, dan bukannya depository pusat itu, atau syarikat namaannya, yang atas namanya sekuriti telah-deposit itu didaftarkan.

Pendeposit hendaklah dianggap seolah-olah dia seorang anggota.

(2) Walau apa pun peruntukan-peruntukan subseksyen (1), tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menyifatkan rekod pendeposit-pendeposit sebagai daftar anggota-anggota yang disimpan menurut seksyen 158 Akta Syarikat 1965.

(3) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "sekuriti telah-deposit" tidaklah termasuk sesuatu sekuriti yang dinyatakan dalam akaun sekuriti sebagai berada dalam gantungan menurut seksyen 41 atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

Larangan terhadap pemerolehan, atau urusniaga dengan, sekuriti-securiti telah-deposit oleh depositori pusat.

36. (1) Tiada depositori pusat boleh membeli, memperolehi, atau selainnya berurusniaga dengan, mana-mana sekuriti telah-deposit sebagai prinsipal selain daripada bagi sesuatu maksud dan mengikut sesuatu cara yang dibenarkan oleh Menteri di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu depositori pusat yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Tawaran awan.

37. (1) Jika, menurut seksyen 14, sesuatu bursa saham menetapkan bahawa mana-mana sekuriti yang dicadangkan untuk disenaraikan bagi disebut harga pada senarai rasminya hendaklah didepositkan dengan suatu depositori pusat, penerbit sekuriti tersebut atau pembuat tawaran, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, dalam prospektus yang dikeluarkan oleh penerbit atau pembuat tawaran tersebut berkenaan dengannya, memberitahu orang awam tentang fakta bahawa sekuriti itu adalah suatu sekuriti yang telah ditetapkan sedemikian.

(2) Apabila selesainya pengumpulan atau penguntukan sekuriti tersebut, penerbit atau pembuat tawaran itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dengan serta-merta menyerahkan atau menyebabkan diserahkan kepada depositori pusat itu suatu rekod pemohon-pemohon yang berjaya bersama-sama dengan butir-butir sebagaimana yang dikehendaki oleh depositori pusat itu bagi maksud membuat catatan-catatan yang sesuai dalam akaun-akaun sekuriti pemohon-pemohon itu masing-masing, bersama-sama dengan skrip-skrip (dalam peringkat-peringkat nilai seperti yang dinyatakan oleh depositori pusat itu) yang didaftarkan atas nama depositori pusat itu atau syarikat namaannya.

(3) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "pembuat tawaran", berhubungan dengan mana-mana sekuriti, ertinya pemunya sekuriti itu.

(4) Sesuatu sebutan mengenai sekuriti yang dicadangkan untuk disenaraikan di suatu bursa saham dalam seksyen ini hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan mengenai sesuatu sekuriti yang telah diluluskan oleh bursa saham itu untuk disenaraikan bagi disebut harga pada senarai rasmi bursa saham itu.

(5) Tanpa menjejaskan subseksyen (2), peruntukan-peruntukan dalam seksyen 107 Akta Syarikat 1965 tidaklah, berhubungan dengan sekuriti-sekuriti yang disebutkan dalam subseksyen (1), terpakai bagi penerbit sekuriti itu.

38. (1) Jikasesuatu penerbit,berhubungan dengan mana-mana sekuriti telah-deposit,—

Terbitan  
bonus, hak.  
dsb.

- (a) membuat suatu terbitan bonus, atau menerbitkan sekuriti-sekuriti menurut suatu terbitan hak atau penukaran mana-mana sekuriti hutang; atau
- (b) menerbitkan sekuriti-sekuriti menurut perjalanan apa-apa hak atau opsi untuk memperoleh sekuriti-sekuriti dalam modal syer penerbit itu,

penerbit itu hendaklah memberitahu depositori pusat itu nama-nama penerima umpukan bersama-sama dengan butir-butir yang dikehendaki oleh depositori pusat itu bagi maksud membuat catatan-catatan yang sesuai dalam akaun-akaun sekuriti penerima-penerima umpukan itu masing-masing, dan hendaklah menyerahkan kepada depositori pusat itu skrip-skrip yang berkenaan (dalam peringkat-peringkat nilai seperti yang dinyatakan oleh depositori pusat itu) yang didaftarkan atas nama depositori pusat itu atau syarikat namaannya.

(2) Melainkan jika dia telahpun mempunyai suatu akaun sekuriti yang sedia ada, seseorang hendaklah membuka suatu akaun sekuriti sebelum memperoleh mana-mana sekuriti yang disebutkan dalam subseksyen 1).

Pengunderait  
hendaklah  
membuka  
akaun  
sekuriti.

39. Mana-mana orang yang bertujuan hendak mengunderait mana-mana sekuriti yang dicadangkan untuk disenaraikan di suatu bursa saham atau mana-mana terbitan hak berkenaan dengan mana-mana sekuriti telah-deposit hendaklah membuka suatu akaun sekuriti.

Penggadaian  
atau  
persandaran  
sekuriti.

40. (1) Jika sesuatu sekuriti telah-deposit adalah digadaikan atau disandarkan oleh seseorang pendeposit (dalam seksyen ini disebut sebagai "penggadai" atau "pembuat sandaran") kepada mana-mana orang (dalam seksyen ini disebut sebagai "pemegang gadaian" atau "pemegang sandaran"), sesuatu depository pusat atau ejen depository diberikuasa, yang dengannya atau melaluinya akaun sekuriti pendeposit itu disenggarakan, hendaklah, atas suatu permintaan secara bertulis yang dibuat oleh pendeposit, pemegang gadaian atau pemegang sandaran itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, memindahkan atau menyebabkan dipindahkan sekuriti tersebut ke dalam akaun sekuriti pemegang gadaian atau pemegang sandaran itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang disenggarakan bagi maksud tersebut.

(2) Jika suatu permintaan adalah dibuat oleh pemegang gadaian atau pemegang sandaran sepertimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1), permintaan tersebut hendaklah disokong oleh dokumen-dokumen yang menjadi keterangan yang gadaian atau sandaran tersebut dibuat kepadanya.

(3) Akaun sekuriti yang disenggarakan oleh pemegang gadaian atau pemegang sandaran menurut subseksyen (1) hendaklah dinyatakan sebagai "Akaun Sekuriti Sandaran".

(4) Jika gadaian atau sandaran ke atas sesuatu sekuriti telah-deposit telah diselesaikan atau dilepaskan, depository pusat itu atau ejen depository diberikuasanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, apabila menerima suatu notis secara bertulis daripada pemegang gadaian atau pemegang sandaran itu yang mengesahkan demikian, memindahkan sekuriti telah-deposit tersebut ke dalam akaun sekuriti penggadai atau pembuat sandaran itu.

(5) Peruntukan-peruntukan berhubung dengan pemindahan atau pengeluaran sekuriti-sekuriti telah-deposit hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi sekuriti-sekuriti dalam Akaun Sekuriti Sandaran.

41. Sesuatu depositori pusat boleh menyatakan bahawa mana-mana sekuriti telah-deposit dalam suatu akaun sekuriti adalah berada dalam gantungan dalam mana-mana hal-keadaan yang berikut:

Sekuriti-sekuriti dalam gantungan.

- (a) jika pemindahan sekuriti tersebut atas nama depositori pusat itu atau syarikat namaannya belum, atau tidak boleh, didaftarkan oleh penerbitnya di bawah seksyen 18;
- (b) jika depositori pusat itu telah disampaikan dengan suatu perintah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten yang melarang apa-apa urusan berkenaan dengan sesuatu sekuriti telah-deposit;
- (c) jika suatu perintah di bawah peraturan 8 Peraturan-Peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit) 1986 telah dibuat oleh Bank Negara Malaysia dan disiarkan dalam *Warta*;
- (d) jika suatu permohonan di bawah seksyen 22 bagi pengeluaran sekuriti tersebut telah dibuat oleh seseorang pendeposit; atau
- (e) dalam apa-apa hal-keadaan lain yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

P.U. (A) 237186

#### BAHAGIAN IV

##### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KERAHSIAAN

42. Tiap-tiap depositori pusat dan ejen depositori diberikuasa hendaklah mengambil segala langkah keselamatan yang munasabah untuk melindungi maklumat dan dokumen-dokumen yang berhubung dengan hal-ehwal pendeposit-pendeposit. dan khususnya, yang berhubung dengan akaun-akaun sekuriti mereka, daripada apa-apa akses, pengubahan, pendedahan atau penyebaran yang tidak dibenarkan.

Kewajipan untuk mengambil langkah-langkah keselamatan yang munasabah.

Kewajipan  
untuk  
merahsiakan.

43. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini, tiada seorang pun pengarah atau pegawai sesuatu depositori pusat atau seseorang ejen depositori diberikuasa, sama ada dalam masa tempoh jawatannya atau dalam masa tempoh pekerjaannya atau selepas itu, dan tiada orang lain yang mempunyai apa-apa cara akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen apa jua pun yang berhubungan dengan hal-ehwal mana-mana pendeposit, dan khususnya, yang berhubungan dengan akaun-akaun sekuriti mereka, boleh memberikan, membuka, menzahirkan atau selainnya mendedahkan maklumat atau dokumen tersebut kepada mana-mana orang.

(2) Tiada seorang pun yang mempunyai apa-apa maklumat atau dokumen yang pada pengetahuannya telah didedahkan dengan melanggar subseksyen (1) boleh dengan apa-apa cara jua pun mendedahkannya kepada mana-mana orang lain.

(3) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Sekatan-  
sekatan ke  
atas  
pendedahan  
maklumat  
oleh ejen-ejen  
depositori  
diberikuasa.

44. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 13(2), tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh membenarkan ejen depositori diberikuasa yang adalah—

*Akta 372.*

(a) suatu institusi berlesen sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989; atau

*Akta 276.*

(b) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta BankIslam 1983,

untuk memberikan, membuka, menzahirkan atau selainnya mendedahkan apa-apa maklumat atau dokumen kepada mana-mana orang melanggar dengan Akta-Akta tersebut.

45. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, tiada apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang lain atau seksyen 43 boleh memberikan hak kepada mana-mana orang untuk enggan mendedahkan apa-apa maklumat atau dokumen—

Pendedaban-  
pendedahan  
yang  
dibenarkan.

- (a) yang pendeposit, atau wakil dirinya, telah memberikan kebenaran secara bertulis untuk didedahkan;
- (b) dalam hal di mana pendeposit diisytiharkan bankrap, atau, jika pendeposit itu suatu perbadanan, perbadanan itu sedang atau telah digulung, di Malaysia atau di mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia;
- (c) bagi maksud memulakan, atau semasa berlangsungnya, apa-apa prosiding sivil—
  - (i) di antara suatu depositori pusat atau ejen depositori diberikuasa dengan seorang pendeposit berhubungan dengan akaun sekuriti pendeposit itu; atau
  - (ii) di antara suatu depositori pusat atau ejen depositori diberikuasa dengan dua pihak atau lebih yang membuat tuntutan-tuntutan bertentangan ke atas sekuriti-sekuriti atau wang dalam akaun sekuriti pendeposit, jika depositori pusat atau ejen depositori diberikuasa itu meminta relief dengan cara interplider;
- (d) kepada mana-mana orang yang diberikuasa dengan sewajarnya untuk menyiasat mana-mana kesalahan di bawah mana-mana undang-undang, yang pendedahan sedemikian adalah, dalam mana-mana hal, terhad kepada akaun sekuriti dan hal-ehwal pendeposit yang disyaki melakukan kesalahan itu;
- (e) kepada sesuatu depositori pusat bagi maksud-maksud penyusunan rekod pendeposit-pendeposit, atau mana-mana bahagiannya, di bawah seksyen 34 Akta ini;

*Ord. 61/56.*  
*Akta 372*  
*Akta 276*

- (f) kepada sesuatu penerbit berkenaan dengan sesuatu rekod pendeposit-pendeposit yang dikeluarkan di bawah seksyen 34 Akta ini; "
- (g) bagi maksud membolehkan atau membantu Menteri menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan kepadanya oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (h) bagi maksud membolehkan atau membantu Bank Negara Malaysia menunaikan fungsi-fungsinya di bawah Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (i) bagi maksud membolehkan atau membantu Pendaftar menunaikan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini;
- (j) bagi maksud membolehkan atau membantu suatu bursa saham atau tempat penjelasan bagi suatu bursa saham menunaikan fungsi-fungsinya;
- (k) bagi maksud membolehkan atau membantu juruaudit-juruaudit sesuatu depositori pusat dan ejen-ejen depositori diberikuasa menunaikan fungsi-fungsi mereka;
- (l) dalam suatu ringkasan atau koleksi maklumat yang dirangka dengan sedemikian cara sehingga tidak membolehkan identiti mana-mana pendeposit yang dimaksudkan oleh maklumat itu dipastikan.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, tiada apa-apa jua dalam seksyen 43 boleh memberikan hak kepada mana-mana orang untuk enggan mendedahkan apa-apa maklumat atau dokumen kepada Menteri jika pendedahan itu dikehendaki demi kepentingan pelabur-pelabur atau demi kepentingan awam.

46. (1) Tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (2), sesuatu depository pusat boleh memberi ejen-ejen depository diberikuasanya, sesuatu bursa saham (di mana sekuriti-sekuriti telah-deposit disenaraikan), sesuatu tempat penjelasan bagi bursa saham tersebut, penerbit-penerbit dan mana-mana orang lain yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, akses kepada sistem komputernya.

Pengawalseliaan akses kepada sistem komputer.

(2) Menteri boleh, bagi maksud mengawalselia akses kepada sistem komputer, menetapkan melalui peraturan-peraturan takat mana-mana pengguna atau golongan pengguna boleh mempunyai, atau dilarang daripada mempunyai, akses kepada sistem tersebut.

(3) Mana-mana orang yang—

- (a) ialah seorang pengguna, dengan menyalahi undang-undang, mendapatkan akses, atau cuba mendapatkan akses, kepada sistem komputer suatu depository pusat, sama ada melalui apa-apa alat atau radas yang menjadi sebahagian daripada sistem komputer itu atau melalui apa-apa cara lain, melampaui takat yang dia dibenarkan untuk mempunyai akses oleh depository pusat itu di bawah subseksyen (1);
- (b) dengan menyalahi undang-undang, mendapatkan akses, atau cuba mendapatkan akses, kepada sistem komputer suatu depository pusat, sama ada melalui apa-apa alat atau radas yang menjadi sebahagian daripada sistem komputer itu atau melalui apa-apa cara lain; atau
- (c) dengan menyalahi undang-undang, mengganggu, atau menggendalakan, atau cuba mengganggu atau menggendalakan, pengendalian sistem komputer suatu depository pusat,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN V

### KESALAHAN-KESALAHAN

Pemalsuan  
rekod-rekod  
atau akaun-  
akaun.

47. Jika sesuatu depository pusat atau ejen depository diberikuasanya menyimpan atau menyenggarakan suatu rekod atau akaun yang dikehendaki disimpan atau disenggarakan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini melalui sesuatu alat mekanikal, alat elektronik, atau apa-apa alat lain, mana-mana orang yang—

- (a) merekodkan atau menyimpan, melalui alat itu, maklumat yang dia mengetahui atau patut mengetahui adalah palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir material;
- (b) (i) memalsukan; atau  
(ii) dengan niat untuk memalsukan, memusnahkan atau membuang—
  - (aa) maklumat yang direkodkan atau disimpan melalui alat itu;
  - (bb) maklumat yang telah disediakan bagi maksud untuk direkodkan atau disimpan melalui alat itu;
  - (cc) maklumat yang telah disediakan untuk digunakan dalam menyusun rekod-rekod;
  - (dd) maklumat yang telah disediakan untuk digunakan dalam mendapatkan kembali maklumat lain yang telah direkodkan atau disimpan melalui alat itu;
- (c) mempunyai kewajipan untuk merekodkan atau menyimpan maklumat melalui alat itu, gagal

merekodkan atau menyimpan maklumat sedemikian—

- (i) dengan niat untuk memalsukan, pada keseluruhan atau sebahagiannya, mana-mana catatan yang dibuat, atau rekod yang hendak disusun, daripada maklumat yang telah direkodkan atau disimpan; atau
- (ii) dengan mengetahui bahawa kegagalan untuk merekodkan atau menyimpan maklumat itu dengan demikian akan menjadikan palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir material maklumat lain yang direkodkan atau disimpan sedemikian,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

48. (1) Seseorang yang—

- (a) memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah mana-mana rekod atau akaun yang dikehendaki disimpan atau disenggarakan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini; atau
- (b) menghantar atau cuba menghantar atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk menghantar keluar daripada Malaysia mana-mana rekod atau akaun sedemikian,

Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan dan perubahan rekod-rekod dilarang.

dengan niat untuk memfraud mana-mana orang, atau untuk menahan, melengahkan atau menghalang pelaksanaan sesuatu pemeriksaan, penyiasatan atau pengauditan, atau penjalanan sesuatu kuasa di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Pengemukakan  
maklumat  
palsu atau  
mengelirukan

49. (1) Mana-mana orang yang mengemukakan apa-apa maklumat yang dia mengetahui adalah palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir material atau secara melulu mengemukakan apa-apa maklumat yang adalah palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir material—

- (a) bagi maksud, atau berkaitan dengan, apa-apa permohonan di bawah Akta ini; atau
- (b) dengan berupa sebagai mematuhi mana-mana kehendak yang dikenakan ke atasnya oleh atau di bawah Akta ini,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan-  
kesalahan  
oleh  
pertubuhan-  
pertubuhan  
perbadanan.

50. Jika sesuatu kesalahan terhadap Akta ini telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa perlakuan kesalahan itu adalah seorang pengarah, pegawai eksekutif atau setiausaha pertubuhan perbadanan itu atau berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha wajar untuk menghalang perlakuan kesalahan itu, sebagaimana yang patut dijalankan olehnya, memandangkan kepada jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan kepada segala hal-keadaan.

Penalti am.

51. Seseorang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan, jika tiada penalti diperuntukkan dengan nyata, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

PENYIASATAN

52. Tiada apa-apa jua pun, melainkan jika diperuntukkan dengan khusus dalam Bahagian ini, boleh membenarkan apa-apa penyiasatan oleh Pendaftar mengenai urusan—

Pemakaian  
Bahagian ini.

- (a) sesuatu bank, bank saudagar atau sesuatu syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, atau sesuatu bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 atau sesuatu bank yang ditubuhkan di bawah suatu Akta Parlimen; atau
- (b) seseorang peniaga, wakil peniaga atau peniaga terkecuali sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

53. (1) Pendaftar boleh, pada bila-bila masa, jika difikirkannya terdapat sebab yang mencukupi untuk berbuat demikian, secara bertulis—

Kuasa  
Pendaftar  
untuk  
menghendaki  
pengemukaan  
rekod-rekod.

- (a) memberi suatu arahan kepada—
  - (i) suatu depositori pusat;
  - (ii) suatu syarikat namaan bagi suatu depositori pusat;
  - (iii) seorang ejen depositori diberikuasa;
  - (iv) seorang pengguna;
  - (v) seseorang yang menjadi atau pernah menjadi seorang pegawai atau pekerja, atau seorang ejen, peguambela dan peguamcara, juruaudit, atau orang lain yang bertindak atas apa-apa sifat untuk atau bagi pihak, suatu depositori pusat, atau syarikat namaannya, atau seorang ejen depositori diberikuasa, atau seorang pengguna,

yang menghendaki pengemukaan, kepada Pendaftar, akan rekod-rekod atau akaun-akaun sebagaimana yang dinyatakan sedemikian, yang adalah rekod-rekod dan akaun-akaun yang berhubungan dengan—

- (vi) urusan atau hal-ehwal suatu depository pusat atau syarikat namaannya, atau seorang ejen depository diberikuasa, atau seorang pengguna;
  - (vii) apa-apa rekod atau akaun yang dikehendaki untuk disimpan menurut seksyen 27; atau
- (b) memberi suatu arahan kepada mana-mana orang yang menghendaki pengemukaan, kepada Pendaftar, akan apa-apa rekod atau akaun yang berhubungan dengan perkara-perkara yang disebutkan dalam subperenggan (a) (vi) atau (a) (vii) yang berada dalam penjagaan atau di bawah kawalan orang itu:

Dengan syarat bahawa pengemukaan rekod atau akaun tersebut tidak boleh dikehendaki pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang akan mengganggu penjalanan wajar urusan harian biasa orang itu.

(2) Sesuatu sebutan dalam subseksyen (1) mengenai urusan yang dijalankan oleh seseorang hendaklah disifatkan sebagai termasuklah sebutan mengenai urusan yang dijalankan oleh seseorang sebagai pemegang amanah.

(3) Jika Pendaftar menghendaki pengemukaan apa-apa rekod atau akaun di bawah seksyen ini dan seseorang ada mempunyai lien ke atas rekod atau akaun itu, maka pengemukaan rekod atau akaun tersebut tidaklah menjejaskan lien itu.

(4) Jika Pendaftar menjalankan kuasa di bawah seksyen ini. untuk menghendaki seseorang lain supaya mengemukakan rekod-rekod atau akaun-akaun—

- (a) jika rekod-rekod atau akaun-akaun itu dikemukakan, Pendaftar—
  - (i) boleh mengambil milikan rekod-rekod atau akaun-akaun itu dan membuat salinan-salinan, atau mengambil cabutan-cabutan daripada, rekod-rekod atau akaun-akaun itu;
  - (ii) boleh menghendaki orang lain itu atau mana-mana orang lain yang menjadi pihak dalam penyusunan rekod-rekod atau akaun-akaun itu untuk membuat suatu pernyataan yang memberi penjelasan mengenai mana-mana daripada rekod-rekod atau akaun-akaun itu;
  - (iii) boleh memegang milikan rekod-rekod atau akaun-akaun itu selama mana yang difikirkan perlu oleh Pendaftar; dan
  - (iv) hendaklah membenarkan orang lain itu, apabila memberi notis yang munasabah dan perihalan mengenai rekod-rekod atau akaun-akaun itu, untuk mempunyai akses kepada rekod-rekod atau akaun-akaun itu yang berada dalam milikan Pendaftar; atau
- (b) jika rekod-rekod atau akaun-akaun itu tidak dikemukakan, Pendaftar boleh menghendaki orang lain itu—
  - (i) untuk menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, di mana rekod-rekod atau akaun-akaun itu boleh dijumpai; dan
  - (ii) untuk mengenalpasti orang yang, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, akhir sekali mempunyai

penjagaan rekod-rekod atau akaun-akaun itu dan untuk menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, di mana orang yang akhir disebut itu boleh dijumpai.

(5) Kuasa yang diberikan oleh seksyen ini untuk membuat suatu kehendak ke atas seseorang itu, jika orang tersebut adalah suatu pertubuhan perbadanan, adalah meliputi kuasa untuk membuat kehendak itu ke atas mana-mana orang yang menjadi atau pernah menjadi seorang pegawai pertubuhan perbadanan itu.

(6) Seseorang yang, tanpa alasan yang sah, enggan atau gagal mematuhi suatu kehendak yang dibuat di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit, atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, hendaklah, sebagai tambahan, boleh dikenakan hukuman denda harian yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas hari keempat belas dari tarikh orang tersebut dikehendaki mematuhi kehendak tersebut.

Kuasa  
Pendaftar  
untuk  
memasuki dan  
menggeledah  
premis, dsb.

54. (1) Jika Pendaftar mempunyai alasan-alasan munasabah bagi mengesyaki bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah atau sedang dilakukan atau bahawa terdapat di mana-mana premis tertentu apa-apa rekod atau akaun yang pengemukaannya telah dikehendaki menurut kuasa seksyen 53 dan yang telah tidak dikemukakan sebagai mematuhi kehendak itu, maka dia boleh—

(a) memasuki dan menggeledah premis itu dan—

(i) dalam hal premis yang diduduki oleh sesuatu depositori pusat atau pengguna, untuk meneliti, memeriksa dan mengendalikan keseluruhan atau mana-mana bahagian sistem komputer itu; dan

(ii) dalam hal premis yang diduduki oleh mana-mana orang lain, untuk memecah-buka dan menggeledah mana-mana almari, laci, peti besi, kotak atau bekas lain, dan jika suatu sistem komputer (yang bukanlah suatu sistem komputer yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta ini) dipasang dalam premis tersebut, untuk meneliti, memeriksa dan mengendalikan keseluruhan atau mana-mana bahagian sistem tersebut; dan

(b) meneliti dan mengambil milikan, atau menjaminkan daripada diganggu, apa-apa rekod, dokumen atau material lain yang dijumpai di premis tersebut yang boleh menjadi keterangan bagi kesalahan tersebut.

(2) Kuasa-kuasa yang diberikan di bawah subseksyen (1) adalah sebagai tambahan kepada, dan bukannya sebagai mengurangkan, mana-mana kuasa lain yang diberikan di bawah Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

55. Seseorang yang—

Penghalangan.

- (a) dengan sengaja menghalang atau menggagalkan Pendaftar pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 53 atau seksyen 54; atau
- (b) gagal tanpa alasan yang munasabah untuk memberi kepada Pendaftar apa-apa bantuan sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki olehnya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

56. (1) Pendaftar boleh menghendaki sesuatu depository pusat atau ejen depository diberikuasanya untuk mendedahkan kepadanya, berhubungan dengan apa-apa pemerolehan atau pelupusan sekuriti-sekuriti telah-deposit, apa-apa maklumat termasuk nama orang yang

Pendedahan  
kepada  
Pendaftar.

daripadanya atau melaluinya atau bagi pihaknya sekuriti-sekuriti itu telah diperolehi, atau yang kepadanya atau melaluinya atau bagi pihaknya sekuriti-sekuriti itu telah dilupuskan, nombor-nombor akaun sekuriti mereka dan catatan-catatan yang dibuat dalam akaun-akaun sekuriti tersebut dan jenis arahan-arahan yang diberikan kepada depository pusat itu atau ejen depository diberikuasanya berkenaan dengan pemerolehan atau pelupusan itu.

(2) Pendaftar boleh menghendaki seseorang pendeposit untuk mendedahkan kepadanya sama ada dia telah memperolehi atau melupuskan sekuriti-sekuriti telah-deposit tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai pemegang amanah untuk, atau bagi pihak, seseorang lain dan, jika dia telah memperolehi atau melupuskan sekuriti-sekuriti tersebut sebagai pemegang amanah untuk, atau bagi pihak, seseorang lain, untuk mendedahkan nama orang lain itu dan jenis apa-apa arahan yang diberikan kepada pendeposit itu berkenaan dengan pemerolehan atau pelupusan itu.

(3) Seseorang yang, tanpa alasan munasabah, gagal mematuhi kehendak Pendaftar di bawah subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Penyiasatan  
oleh  
Pendaftar.

57. Jika Pendaftar mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa seseorang itu telah melakukan suatu kesalahan di bawah sesuatu peruntukan Akta ini atau akan melakukan suatu perbuatan yang, jika dilakukan, adalah menjadi suatu kesalahan di bawah sesuatu peruntukan Akta ini, dia boleh membuat penyiasatan yang difikirkannya suaimanfaat bagi pentadbiran wajar Akta ini.

Kuasa  
Mahkamah  
untuk  
membuat  
perintah-  
perintah  
tertentu.

58. (1) Jika—

(a) atas permohonan Pendaftar, adalah ternyata kepada Mahkamah Tinggi bahawa seseorang—

(i) telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini berhubungan dengan apa-apa urusan niaga sekuriti-sekuriti telah-deposit; atau

- (ii) telah melanggar kaedah-kaedah suatu depository pusat; atau
  - (iii) akan melakukan suatu perbuatan berkenaan dengan apa-apa urusan niaga sekuriti-sekuriti telah-deposit yang, jika dilakukan, adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau adalah menjadi suatu pelanggaran kaedah-kaedah suatu depository pusat; atau
- (b) atas permohonan suatu depository pusat, adalah ternyata kepada Mahkamah Tinggi bahawa seseorang telah melanggar kaedah-kaedah depository pusat tersebut,

Mahkamah Tinggi boleh, tanpa menjejaskan apa-apa perintah yang ia berhak membuat selain daripada menurut seksyen ini, membuat satu atau lebih daripada perintah-perintah berikut:

- (c) dalam hal pelanggaran-pelanggaran yang kerap atau berterusan terhadap Akta ini, atau terhadap kaedah-kaedah suatu depository pusat, suatu perintah menyekat seseorang daripada bertindak sebagai ejen depository diberikuasa atau daripada mengemukakan dirinya sebagai bertindak demikian;
- (d) suatu perintah menyekat seseorang daripada mengeluarkan atau selainnya berurusan niaga dengan mana-mana sekuriti telah-deposit yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (e) bagi maksud menjamin pematuhan apa-apa perintah lain yang dibuat di bawah seksyen ini, suatu perintah mengarahkan seseorang untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan tertentu; dan
- (f) apa-apa perintah sampingan yang disifatkan sebagai diingini berbangkit daripada pembuatan sesuatu perintah di bawah mana-mana peruntukan yang terdahulu dalam subseksyen ini.

(2) Mahkamah Tinggi boleh, sebelum membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), mengarahkan supaya notis permohonan itu diberikan kepada mana-mana orang yang difikirkannya patut atau mengarahkan supaya notis permohonan itu disiarkan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang gagal mematuhi suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(4) Subseksyen (3) tidaklah menyentuh kuasa-kuasa Mahkamah Tinggi berhubungan dengan hukuman bagi penghinaan mahkamah.

(5) Mahkamah Tinggi boleh membatalkan, mengubah atau melepaskan sesuatu perintah yang dibuat olehnya di bawah seksyen ini atau menggantungkan penguatkuasaan sesuatu perintah tersebut.

## BAHAGIAN VII

### AM

Penyimpanan  
rekod-rekod  
dan akaun-  
akaun.

59. Sesuatu depository pusat dan ejen-ejen depository diberikuasanya hendaklah menyimpan semua rekod dan akaun untuk suatu tempoh selama tujuh tahun, sama ada atau tidak mereka terhenti menjalankan urusan mereka sebelum berakhirnya tempoh tujuh tahun itu.

Kuasa  
Pendaftar  
untuk  
mengkompaun.

60. Pendaftar boleh, tanpa memulakan prosiding terhadap mana-mana orang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini selain daripada kesalahan-kesalahan di bawah subseksyen 3(2), 13(4), 43(3) dan 46(3) dan seksyen 47 dan 48, mengkompaun mana-mana kesalahan dengan menuntut dan menerima daripada orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun

denda maksimum (termasuk dehdan harian, jika ada) yang boleh dikenakan ke atas orang itu jika dia telah disabitkan kesalahan itu, dan sesudah itu—

- (a) jika orang itu membayar amaun tersebut kepada Pendaftar dalam masa empat belas hari selepas tuntutan itu, prosiding tidak boleh diambil terhadapnya berhubung dengan kesalahan itu; atau
- (b) jika orang itu tidak membayar amaun yang dituntut itu dalam masa empat belas hari, Pendaftar boleh menyebabkan prosiding dimulakan berhubung dengan kesalahan itu.

61. Pendakwaan bagi mana-mana kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini boleh dijalankan oleh Pendaftar atau oleh mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis oleh Pendaftar. Pendakwaan jenayah.

62. Tiada seorang pun boleh didakwa dalam mana-mana mahkamah bagi apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan, atau diperintahkan supaya dilakukan, atau ditinggalkan daripada dilakukan, olehnya dengan suci hati dan dengan maksud menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa tugas, yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh atau di bawah Akta ini. Indemniti.

63. (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suaimanfaat bagi menjalankan atau mencapai tujuan-tujuan dan maksud-maksud Akta ini. Peraturan-peraturan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan bolehlah dibuat bagi—

- (a) menetapkan borang-borang bagi maksud-maksud Akta ini;
- (b) menetapkan fee-fee yang hendaklah dibayar berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki bagi maksud-maksud Akta ini;

- (c) menetapkan cara dan bentuk dalam mana akaun-akaun sekuriti hendaklah dibuka, disenggarakan atau ditutup oleh sesuatu depositori pusat dan ejen-ejen depositori diberikuasanya, termasuklah cara membuat catatan-catatan di dalam akaun-akaun tersebut;
- (d) menetapkan hal-keadaan dalam mana sesuatu sekuriti telah-deposit dalam suatu akaun sekuriti boleh dinyatakan oleh sesuatu depositori pusat sebagai berada dalam gantungan di bawah seksyen 41;
- (e) mengawalselia perlantikan ejen-ejen depositori diberikuasa dan syarikat-syarikat namaan dan pengenaan kewajipan-kewajipan, obligasi-obligasi dan sanksi-sanksi ke atas ejen-ejen dan syarikat-syarikat tersebut;
- (f) mengawalselia penubuhan dan pengendalian sistem komputer termasuklah terminal-terminal komputer yang menjadi sebahagian daripada sistem tersebut;
- (g) mengawalselia cara yang mengikutnya sekuriti-sekuriti telah-deposit hendaklah disimpan bagi penjagaan selamat oleh sesuatu depositori pusat;
- (h) mengawalselia semua perkara yang berhubungan dengan pendepositan sekuriti-sekuriti tak tersenarai dengan sesuatu depositori pusat dan ejen-ejen depositori diberikuasanya;
- (i) menetapkan maksud-maksud lain yang baginya sesuatu depositori pusat boleh melantik ejen-ejen depositori diberikuasa di bawah perenggan 13(1)(e);
- (j) menetapkan jenis-jenis pertubuhan perbadanan yang boleh dilantik untuk bertindak sebagai ejen-ejen depositori diberikuasa di bawah perenggan 13(2)(g);

- (k) mengawalselia aktiviti-aktiviti, dan piawai-piawai yang hendaklah disenggarakan oleh, sesuatu depository pusat dan ejen-ejen depository diberikuasanya;
- (l) menetapkan masa dan cara dalam mana penyata-penyata akaun hendaklah dikeluarkan oleh sesuatu depository pusat kepada pendeposit-pendepositnya di bawah seksyen 26;
- (m) menetapkan cara yang mengikutnya rekod-rekod hendaklah disimpan dan disenggarakan oleh sesuatu depository pusat, ejen-ejen depository diberikuasanya dan syarikat-syarikat namaannya di bawah Akta ini;
- (n) menetapkan maksud-maksud yang baginya, dan cara yang mengikutnya, Pendaftar boleh menjalankan pengiraan stok skrip-skrip yang dipegang dalam penjagaan oleh atau atas nama, sesuatu depository pusat atau syarikat-syarikat namaannya;
- (o) menetapkan semua perkara berhubungan dengan penyenggaraan insurans, dan penubuhan dan penyenggaraan kumpulan-kumpulan wang pampasan, oleh sesuatu depository pusat, syarikat-syarikat namaannya dan ejen-ejen depository diberikuasanya bagi maksud menyelesaikan tuntutan-tuntutan oleh pendeposit-pendeposit terhadap depository pusat, syarikat namaan dan ejen depository diberikuasa itu;
- (p) perkara-perkara berhubungan dengan pengeluaran sijil-sijil jumbo di bawah seksyen 20;
- (q) menetapkan mana-mana orang lain yang boleh mempunyai akses kepada sistem komputer sesuatu depository pusat;
- (r) menetapkan takat yang padanya mana-mana pengguna atau golongan pengguna boleh mempunyai akses kepada sistem komputer sesuatu depository pusat;

- (s) perkara-perkara berhubungan dengan rangkaian-rangkaian di antara sesuatu depositori pusat dan lain-lain depositori-depositori sekuriti yang ditubuhkan di luar Malaysia; dan
- (t) semua perkara atau benda yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini untuk ditetapkan atau yang perlu atau suaimanfaat untuk melaksanakan Akta ini.

Sebutan mengenai penerima umpukan dalam Akta Syarikat 1965.

64. Bagi maksud-maksud pemakaian Akta Syarikat 1965 berhubungan dengan mana-mana sekuriti telah deposit, sebutan mengenai seseorang penerima umpukan dalam Akta itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai seseorang pendeposit yang, menurut kuasa seksyen 35 Akta ini, adalah disifatkan sebagai seorang anggota syarikat yang membuat pengumpulan itu.

Seksyen 69A Akta Syarikat 1965.

65. Walau apa pun seksyen 69A Akta Syarikat 1965, Pendaftar tidak boleh, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini, menghendaki sesuatu depositori pusat, syarikat namaannya atau ejen depositori diberikuasanya untuk memberikan maklumat dan butir-butir pemegangan syer yang disebutkan dalam seksyen itu.

Sebutan mengenai pemunya dalam seksyen 102 Akta Syarikat 1965.

66. (1) Bagi maksud-maksud pemakaian seksyen 102 Akta Syarikat 1965 berhubungan dengan mana-mana sekuriti telah-deposit, sebutan mengenai seseorang pemunya dalam seksyen tersebut hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai sesuatu depositori pusat walaupun pendaftaran sekuriti itu di atas nama depositori itu atau syarikat namaannya di bawah seksyen 18 Akta ini masih belum selesai.

(2) Subseksyen 102 (2) Akta Syarikat 1965 tidaklah terpakai bagi sijil-sijil atau dokumen-dokumen yang telahpun didaftarkan atas nama depositori pusat itu atau syarikat namaannya.

67. Bagi maksud-maksud pemakaian subseksyen 103 (3) Akta Syarikat 1965 berhubung dengan mana-mana sekuriti telah-deposit, sebutan mengenai sesuatu syarikat dalam seksyen tersebut hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai sesuatu depository pusat, atau ejen depository diberikuasa, yang dengannya atau melaluinya si mati itu mempunyai suatu akaun sekuriti.

Sebutan mengenai syarikat dalam seksyen 103 Akta Syarikat 1965.

68. Bagi maksud-maksud pemakaian perenggan 166(1)(a) dan 166(1)(c) Akta Syarikat 1965, sebutan-sebutan mengenai anggota-anggota sesuatu syarikat awam dalam perenggan-perenggan tersebut hendaklah ditafsirkan sebagai termasuklah pendeposit-pendeposit yang disifatkan sebagai anggota-anggota syarikat itu menurut kuasa seksyen 35 Akta ini.

Sebutan mengenai anggota-anggota syarikat awam dalam seksyen 166 Akta Syarikat 1965.

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengawalselia penubuhan sesuatu depository sekuriti yang akan bertanggungjawab bagi mengendalikan suatu sistem yang akan membolehkan transaksi-transaksi sekuriti dilaksanakan tanpa memerlukan penyerahan fizikal skrip-skrip. Asas sistem ini ialah pemindahan hakmilik sesuatu sekuriti melalui catatan buku berkomputer dan bukannya melalui penyerahan fizikal dan penyempurnaan suratcara-suratcara pemindahan. Penubuhan sesuatu depository akan mewujudkan suatu sistem penyelesaian yang lebih cekap berkenaan dengan urusanniaga-urusanniaga sekuriti di pasaran saham dan akan juga menghapuskan kerugian kewangan yang disebabkan oleh tersalah letaknya, pemalsuan atau kehilangan skrip-skrip.

#### BAHAGIAN I

2. Bahagian I bertujuan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara permulaan.

3. *Fasal 1* mengadakan peruntukan bagi mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.

4. *Fasal 2(1)* mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini. Beberapa takrif yang utama adalah dihuraikan di bawah.

Perkataan "depository pusat" adalah ditakrifkan sebagai bererti sesuatu syarikat yang diluluskan oleh Menteri di bawah Akta yang dicadangkan ini untuk menubuhkan dan mengendalikan suatu sistem

bagi pengendalian pusat sekuriti-sekuriti yang didepositkan dengannya. Urusniaga-urusniaga sekuriti-sekuriti tersebut adalah dilaksanakan melalui catatan-catatan dalam akaun-akaun sekuriti tanpa penyerahan fizikal skrip-skrip.

Ungkapan "ejen depositori diberikuasa" adalah ditakrifkan sebagai bererti seseorang yang dilantik oleh sesuatu depositori pusat di bawah *fasal 13* Rang Undang-Undang ini untuk menjadi ejennya.

Ungkapan "sekuriti telah-deposit" adalah ditakrifkan sebagai bererti sekuriti yang berada pada kredit suatu akaun sekuriti dan termasuklah sekuriti dalam akaun sekuriti yang dalam gantungan.

Perkataan "pendeposit" adalah ditakrifkan sebagai bererti seseorang pemegang suatu akaun sekuriti.

Perkataan "penerbit", berhubungan dengan sesuatu sekuriti telah-deposit, adalah ditakrifkan sebagai bererti syarikat awam, perbadanan, kerajaan, atau badan, yang diperbadankan atau tak diperbadankan, yang menerbitkan sekuriti itu, dan termasuklah mana-mana orang yang melaksanakan fungsi-fungsi sebagai pendaftar untuk penerbit tersebut atau pengendali penerbitan berkenaan dengan sekuriti itu.

Perkataan "skrip" adalah ditakrifkan sebagai bererti dokumen yang adalah sesuatu sekuriti atau dokumen yang adalah dokumen hakmilik kepada sekuriti.

Ungkapan "bursa saham" adalah ditakrifkan sebagai bererti bursa saham yang ditubuhkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

5. *Subfasal (2)* dan *(3) fasal 2* bertujuan menerangkan sebutan-sebutan tertentu yang dibuat dalam Akta yang dicadangkan ini. *Subfasal (3)* bertujuan menerangkan bahawa sebutan mengenai sekuriti yang didepositkan, atau yang dikehendaki didepositkan, dengan suatu depositori pusat hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai pendepositan, atau kehendak bagi pendepositan, skrip, suratcara-suratcara pemindahan, atau apa-apa dokumen lain yang merupakan sekuriti tersebut, dengan depositori pusat itu.

## BAHAGIAN II

6. Bahagian II adalah berhubungan dengan penubuhan sesuatu depositori pusat.

7. *Fasal 3* melarang seseorang daripada menubuhkan dan menyenggarakan atau mengemukakan dirinya sebagai menyenggarakan suatu depositori pusat melainkan jika suatu kelulusan secara bertulis telah diberikan oleh Menteri. Pelanggaran peruntukan ini adalah menjadi suatu kesalahan.

8. *Fasal 4* menyatakan cara bagaimana sesuatu permohonan bagi penubuhan dan penyenggaraan suatu depositori pusat hendaklah dibuat dan *subfasal (2)* menyatakan dokumen-dokumen dan maklumat yang hendaklah dikemukakan kepada Menteri.

9. *Fasal 5* menyatakan perkara-perkara yang berkenaan dengannya Menteri mestilah memuaskan hatinya sebelum meluluskan sesuatu permohonan bagi menubuhkan suatu depositori pusat. Ia juga menyatakan syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Menteri apabila memberikan kelulusan.

10. *Fasal 6* memberi kuasa kepada Menteri untuk menubuhkan sesuatu jawatankuasa penasihat dan menyatakan fungsi-fungsi dan keanggotaannya.

11. *Fasal 7* memperuntukkan bahawa Menteri hendaklah diberitahu tentang apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedah suatu depositori pusat dan memberi kuasa kepadanya, selepas berunding dengan depositori pusat itu, untuk meminda kaedah-kaedah depositori pusat tersebut.

12. *Fasal 8* menjadikannya tugas bagi sesuatu depositori pusat untuk mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan keteraturan urusniaga-urusniaga sekuriti yang telah didepositkan dengannya.

13. *Fasal 9* memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang ialah ejen depositori diberikuasa, penerbit, pendeposit, atau pengguna hendaklah mematuhi kaedah-kaedah sesuatu depositori pusat.

14. *Fasal 10* membuat peruntukan bagi sesuatu depositori pusat supaya memberikan bantuan kepada Pendaftar berhubungan dengan pelaksanaan fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya.

### BAHAGIAN III

15. Bahagian III adalah dibahagikan kepada empat penggal dan adalah mengenai pendepositan dan pengeluaran sekuriti-sekuriti, akaun-akaun sekuriti dan rekod-rekod, transaksi-transaksi sekuriti dan catatan-catatan berkenaan dengan transaksi-transaksi itu.

16. Penggal I adalah berhubungan dengan pendepositan sekuriti-sekuriti dengan sesuatu depositori pusat. *Fasal 11* mentakrifkan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Bahagian ini. Ungkapan "sijil jumbo" berhubungan dengan sekuriti telah-deposit adalah ditakrifkan sebagai bererti suatu sijil yang terdiri daripada tidak kurang daripada lima puluh ribu unit sekuriti sesuatu penerbit yang didaftarkan di atas nama depositori pusat itu atau syarikat namaannya. Ungkapan "tarikh pemberitahuan" adalah ditakrifkan sebagai bererti tarikh notis menurut *fasal 14* diberikan oleh suatu bursa saham. Ungkapan "tarikh ditetapkan" berhubungan dengan

mana-mana sekuriti ditetapkan adalah ditakrifkan sebagai bererti tarikh yang dinyatakan dalam notis yang diberikan oleh suatu bursa saham di bawah *fasal 14* sebagai hari terakhir sekuriti ditetapkan boleh diperdagangkan di suatu pasaran saham melainkan jika sekuriti itu telah didepositkan dengan depositori pusat. Ungkapan "sekuriti ditetapkan" adalah ditakrifkan sebagai bererti sekuriti yang telah ditetapkan oleh sesuatu bursa saham untuk didepositkan dengan suatu depositori pusat di bawah *fasal 14*.

17. *Fasal 12* menyatakan tugas-tugas sesuatu depositori pusat.

18. *Fasal 13* memberikuasa kepada sesuatu depositori pusat untuk melantik orang-orang tertentu untuk menjadi ejen-ejen depositori diberikuasanya. Ia menyatakan orang-orang yang boleh dilantik menjadi ejen-ejen depositori diberikuasa dan membenarkan mereka, apabila dikehendaki oleh depositori pusat itu atau oleh Pendaftar, berkenaan dengan maksud-maksud yang dijalankan oleh ejen depositori diberikuasa itu, untuk memberikan, membuka, menzahirkan atau mendedahkan kepada depositori pusat itu atau kepada Pendaftar apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan sesuatu akaun sekuriti. Ia juga menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang bertindak sebagai, atau mengemukakan dirinya sebagai, ejen depositori diberikuasa melainkan jika dia telah dilantik sedemikian secara bertulis oleh suatu depositori pusat.

19. *Fasal 14* memberi kuasa kepada sesuatu bursa saham, selepas berunding dengan suatu depositori pusat, untuk menetapkan mana-mana sekuriti, yang disenaraikan atau dicadangkan untuk disenaraikan bagi disebut harga pada senarai rasminya, supaya didepositkan dengan depositori pusat itu. Ia juga menghendaki bursa saham itu memberitahu orang awam mengenai semua sekuriti yang ditetapkan olehnya untuk didepositkan dengan depositori pusat.

20. *Fasal 15* adalah mengenai memperdagangkan sekuriti-sekuriti ditetapkan dalam tempoh di antara tarikh pemberitahuan dan tarikh ditetapkan. Dalam tempoh ini mana-mana skrip yang diserahkan oleh seseorang penjual kepada ejen depositori diberikuasa untuk menyelesaikan suatu jualan yang dibuat olehnya adalah dikehendaki supaya dihantar kepada penerbit bersama-sama dengan suratcara pemindahan bagi maksud mendaftarkan sekuriti di bawah skrip itu atas nama depositori pusat itu. Pembeli sekuriti ditetapkan mestilah mempunyai akaun sekuriti semasa membeli sekuriti tersebut. Maksud peruntukan ini adalah untuk memastikan bahawa semua sekuriti ditetapkan yang diperdagangkan selepas tarikh pemberitahuan akan disimpan dalam penjagaan oleh depositori pusat.

21. *Fasal 16* memberi kuasa kepada depositori pusat untuk menetapkan suatu tarikh yang selepasnya tiada syarikat anggota boleh menerima skrip yang merupakan sekuriti ditetapkan semata-mata bagi penjagaan selamat.

22. *Fasal 17* memperuntukkan bahawa sesuatu sekuriti ditetapkan tidak boleh selepas tarikh ditetapkan diperdagangkan di suatu pasaran saham melainkan jika sekuriti tersebut telah didepositkan dengan suatu depository pusat. Walau bagaimanapun, sekuriti tersebut boleh, pada bila-bila masa selepas tarikh ditetapkan, didepositkan dengan depository pusat itu tetapi dalam hal yang demikian ia tidaklah boleh digunakan untuk menyelesaikan sesuatu transaksi yang dilakukan di suatu pasaran saham sebelum daripada tarikh pendepositan sekuriti tersebut.

23. *Fasal 18* adalah mengenai penentusahan skrip-skrip dan pemindahan sekuriti-sekuriti telah-deposit atas nama suatu depository pusat atau syarikat namaannya. Sesuatu depository pusat dan ejen depository diberikuasanya adalah dikehendaki untuk menyerahsimpan dengan penerbit kesemua skrip dan suratcara pemindahan atau dokumen-dokumen lain yang merupakan sekuriti-sekuriti ditetapkan yang telah didepositkan dengannya. Apabila menerima skrip atau dokumen itu, penerbit adalah dikehendaki supaya melakukan segala tindakan dan perkara yang perlu untuk mendaftarkan pemindahan sekuriti-sekuriti itu atas nama depository pusat itu atau syarikat namaannya. *Subfasal (3)* menyatakan hal-keadaan di mana penerbit hendaklah menolak pendaftaran sesuatu pemindahan, Sekiranya tidak terdapat hal-keadaan yang tersebut itu dan apa-apa hal-keadaan lain di mana penerbit adalah bagi apa-apa sebab berhak untuk menolak pendaftaran sesuatu pemindahan, ia mestilah menyiapkan dan menyerahkan kepada depository pusat itu sijil yang berkenaan dalam masa 7 hari pasaran selepas pemindahan itu diserahkan. Jika penerbit menolak pendaftaran sesuatu pemindahan, ia hendaklah menyampaikan kepada pemindah suatu notis bertulis yang memberikan sebab-sebab bagi penolakan tersebut. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa sesuatu suratcara pemindahan boleh didaftarkan atas nama suatu depository pusat atau syarikat namaannya walaupun jika suratcara itu tidak disempurnakan oleh depository itu atau syarikat namaannya, dengan syarat bahawa suratcara itu telah diperakui dengan sewajarnya mengikut cara yang diperuntukkan dalam *subfasal (7)*.

24. *Fasal 19* memperuntukkan bahawa sesuatu depository pusat dan ejen depository diberikuasanya tidaklah, kecuali dalam hal apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran sengaja di pihaknya, bertanggung bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana orang berkenaan dengan mana-mana urusan sekuriti telah-deposit yang pemindahannya telah ditolak di bawah *Fasal 18*.

25. *Fasal 20* mengadakan peruntukan bagi pengeluaran sijil-sijil jumbo oleh penerbit.

26. *Fasal 21* bertujuan untuk menerangkan bahawa sesuatu depository pusat dan syarikat namaannya adalah pemegang amanah

tersahaja berhubungan dengan mana-mana sekuriti telah-deposit yang didaftarkan atas nama-namanya masing-masing bagi maksud-maksud perenggan 6A(9)(a) Akta Syarikat 1965.

27. Penggal II adalah berhubungan dengan pengeluaran sekuriti-sekuriti. *Fasal 22* mengadakan peruntukan bagi pengeluaran sekuriti-sekuriti telah-deposit daripada suatu depositori pusat oleh pendeposit-pendeposit. Ia juga memperuntukkan bahawa semua sekuriti yang dikeluarkan daripada suatu depositori pusat adalah dikehendaki didaftarkan atas nama pendeposit yang mengeluarkannya, atau atas nama mana-mana orang yang dinamakan olehnya.

28. *Fasal 23* memperuntukkan bahawa sesuatu sekuriti yang telah dikeluarkan daripada suatu depositori pusat tidak boleh diperdagangkan di suatu pasaran saham melainkan jika ia didepositkan semula dengan depositori pusat. Sesuatu sekuriti yang didepositkan semula tidaklah boleh digunakan oleh pendeposit untuk menyelesaikan sesuatu transaksi yang dilakukan di suatu pasaran saham sebelum daripada pendepositan semula sekuriti itu.

29. *Fasal 24* membolehkan sesuatu bursa saham, selepas berunding dengan Menteri, untuk menyekat atau melarang pengeluaran mana-mana sekuriti telah-deposit atau kelas sekuriti telah-deposit yang disebut pada senarai rasminya. Tujuan utama *fasal* ini ialah untuk membolehkan sesuatu bursa saham untuk mengawal amaun skrip-skrip yang merupakan mana-mana sekuriti ditetapkan yang tak didepositkan.

30. Penggal III adalah mengenai perkara-perkara berhubungan dengan akaun-akaun sekuriti dan penyimpanan rekod-rekod oleh sesuatu depositori pusat dan ejen-ejen depositori diberikuasanya. *Fasal 25* melarang mana-mana orang daripada berurusan dengan sekuriti telah-deposit tanpa terlebih dahulu mempunyai suatu akaun sekuriti. Ejen depositori diberikuasa yang berurusan dengan sekuriti-sekuriti telah-deposit sebagai prinsipal hendaklah, berhubungan dengan urusan itu, membuka dan menyenggarakan suatu akaun sekuriti dengan suatu depositori pusat.

31. *Fasal 26* membuat peruntukan bagi pengeluaran penyataan-penyataan akaun kepada pendeposit-pendeposit. Sesuatu penyataan akaun yang dikeluarkan di bawah *fasal* ini adalah keterangan *prima facie* mengenai kebenaran perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya.

32. *Fasal 27* memperuntukkan bahawa adalah tugas sesuatu depositori pusat dan ejen-ejen depositori diberikuasanya untuk menyimpan rekod-rekod dan akaun-akaun tertentu. Catatan-catatan dalam rekod-rekod dan akaun-akaun yang disenggarakan di bawahnya akan disifatkan sebagai telah dibuat oleh atau dengan kuasa depositori pusat itu atau ejen depositori diberikuasanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

33. *Fasal 28* menghendaki sesuatu depositori pusat untuk menjalankan suatu pengiraan stok semua skrip dan dokumen lain yang dipegang dalam penjagaan oleh, atau atas nama, depositori pusat itu atau syarikat namaannya. Jika Pendaftar tidak berpuas hati dengan laporan keputusan pengiraan stok yang dikemukakan kepadanya atau jika difikirkannya sesuai, dia boleh menjalankan suatu pengiraan stok atau dia boleh melantik seorang juruaudit syarikal diluluskan untuk menjalankan suatu pengiraan stok.

34. Penggal IV mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan transaksi-transaksi sekuriti, catatan-catatan dalam akaun-akaun sekuriti, rekod pendeposit-pendeposit dan perkara-perkara lain yang berhubung dengannya. *Fasal 29* memperuntukkan bahawa walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, urusan-urusan sekuriti telah-deposit akan dilaksanakan melalui catatan-catatan dalam akaun-akaun sekuriti. Urusan-urusan akan terlaksana tanpa memerlukan apa-apa suratcara secara bertulis atau memerlukan penyerahan skrip yang merupakan sekuriti-sekuriti itu.

35. *Fasal 30* memperuntukkan bahawa sesuatu catatan dalam akaun sekuriti berkenaan dengan mana-mana urusan hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat oleh, atau dengan kuasa, depositori pusat itu atau ejen depositori diberikuasanya.

36. *Fasal 31* mengadakan peruntukan bagi pembuatan catatan-catatan dalam akaun-akaun sekuriti berkenaan dengan transaksi-transaksi luar pasaran yang dilaksanakan oleh pendeposit-pendeposit.

37. *Fasal 32* menghendaki setiap catatan dalam suatu akaun sekuriti yang dibuat di bawah *fasal 30* dan *31* supaya menyatakan tarikh dan masa catatan tersebut dibuat, dan jika catatan itu tidak dibuat oleh komputer, identiti orang yang membuat catatan itu.

38. *Fasal 33* memperuntukkan bahawa suatu rekod mengenai sesuatu catatan dalam akaun sekuriti hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai kebenaran perkara-perkara yang direkodkan itu.

39. *Fasal 34* mengadakan peruntukan bagi pengeluaran suatu rekod pendeposit-pendeposit oleh depositori pusat kepada penerbit-penerbit sekuriti telah-deposit. Peruntukan ini menyatakan butir-butir tertentu yang mesti terkandung dalam rekod itu. Suatu rekod pendeposit-pendeposit adalah dikehendaki tersedia ada untuk pemeriksaan oleh mana-mana anggota penerbit. Seseorang anggota atau mana-mana orang lain boleh menghendaki penerbit memberikan kepadanya suatu salinan rekod pendeposit-pendeposit atau mana-mana bahagiannya, tertakluk kepada bayaran caj-caj tertentu.

40. *Fasal 35* memperuntukkan bahawa seseorang yang namanya terdapat, berhubungan dengan mana-mana sekuriti telah-deposit, dalam rekod pendeposit-pendeposit hendaklah mempunyai semua hak, faedah, kuasa dan keistimewaan dan tertakluk kepada semua liabiliti, tugas dan obligasi berkenaan dengan, atau yang timbul daripada, sekuriti itu seolah-olah dia adalah seorang anggota berdaftar penerbit itu dan bukannya depository pusat itu atau syarikat namaannya yang atas namanya sekuriti telah-deposit itu didaftarkan.

41. *Fasal 36* melarang sesuatu depository pusat daripada membeli, memperolehi atau selainnya berurusniaga dengan mana-mana sekuriti telah-deposit sebagai prinsipal. Menteri boleh walau bagaimanapun, membuat peraturan-peraturan yang menyatakan maksud-maksud yang baginya, dan cara yang mengikutnya, sesuatu depository pusat boleh berurusniaga dengan sekuriti-sekuriti telah-deposit.

42. *Fasal 37 dan 38* adalah mengenai tawaran awam, terbitan bonus dan terbitan hak. Peruntukan-peruntukan ini menyatakan cara bagaimana sekuriti-sekuriti hendaklah didepositkan dengan depository pusat dalam hal-keadaan demikian.

43. *Fasal 39* bertujuan untuk melarang seseorang pengunderait daripada mengunderait mana-mana sekuriti yang dicadangkan untuk disenaraikan di suatu bursa saham atau mana-mana terbitan hak berkenaan dengan sesuatu sekuriti telah-deposit tanpa terlebih dahulu mempunyai suatu akaun sekuriti.

44. *Fasal 40* menyatakan prosedur bagaimana sekuriti-sekuriti telah-deposit yang disandarkan atau digadaikan hendaklah diuruskan oleh sesuatu depository pusat atau ejen-ejen depository di-berikuasanya. Ia menyatakan bahawa sekuriti-sekuriti itu hendaklah dipindahkan kepada suatu akaun khas yang dinyatakan sebagai "Akaun Sekuriti Sandaran". Prosedur ini adalah bertujuan untuk membezakan sekuriti-sekuriti yang dipunyai oleh seseorang pemegang gadaian atau pemegang sandaran dan sekuriti-sekuriti yang digadaikan atau disandarkan kepada mereka dan pada masa yang sama untuk memberikan kepada pemegang gadaian atau pemegang sandaran itu kawalan ke atas sekuriti-sekuriti itu.

45. *Fasal 41* menyatakan hal-keadaan di mana sekuriti-sekuriti telah-deposit boleh dinyatakan dalam akaun-akaun sekuriti sebagai berada dalam gantungan.

46. Bahagian IV adalah mengenai perkara-perkara berhubungan dengan akses kepada sistem komputer yang diwujudkan oleh sesuatu depository pusat, perlindungan maklumat dan dokumen-dokumen berhubungan dengan pendeposit-pendeposit dan pendedahan-pendedahan yang dibenarkan.

47. *Fasal 42* mengenakan kewajiban ke atas tiap-tiap depository pusat dan ejen-ejen depository diberikuasanya untuk mengambil segala langkah keselamatan yang munasabah untuk melindungi maklumat dan dokumen-dokumen berhubungan dengan hal-ehwal pendeposit-pendeposit daripada apa-apa akses, pengubahan, pendedahan atau penyebaran yang tidak dibenarkan,

48. *Fasal 43* bertujuan untuk melarang pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai sesuatu depository pusat atau ejen-ejen depository diberikuasanya yang mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen daripada memberi, membuka atau selainnya mendedahkan maklumat atau dokumen tersebut kepada mana-mana orang.

49. *Fasal 44* mengenakan sekatan ke atas ejen depository diberikuasa yang adalah suatu institusi berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau yang adalah suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 daripada mendedahkan maklumat kepada mana-mana orang berlanggaran dengan Akta-Akta tersebut. Kekecualian kepada kaedah ini adalah diperuntukkan dalam subfasal 13(2).

50. *Fasal 45* menyatakan hal-keadaan di mana pendedahan maklumat atau dokumen-dokumen boleh dibenarkan. Walau bagaimanapun pendedahan-pendedahan ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta.

51. *Fasal 46* bertujuan untuk mengawalselia akses kepada sistem komputer sesuatu depository pusat.

52. Bahagian V adalah mengenai kesalahan-kesalahan yang tidak dinyatakan di mana-mana tempat lain dalam Akta yang dicadangkan. *Fasal 47* menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang merekodkan maklumat yang dia mengetahui adalah palsu atau mengelirukan, atau yang memusnahkan, membuang atau memalsukan maklumat yang direkodkan.

53. *Fasal 48* menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah mana-mana rekod atau akaun dengan niat untuk memfraud.

54. *Fasal 49* menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang dengan sengaja atau melulu mengemukakan maklumat yang palsu atau mengelirukan.

55. *Fasal 50* membuat peruntukan bagi seseorang pengarah, pegawai eksekutif atau setiausaha sesuatu pertubuhan perbadanan supaya bertanggungjawab bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya

dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha wajar untuk menghalang perlakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya, memandangkan kepada jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan kepada segala hal-keadaan.

56. *Fasal 51* memperuntukkan penalti am bagi kesalahan-kesalahan jika tiada penalti tertentu diperuntukkan.

57. Bahagian VI adalah berhubungan dengan penyiasatan. *Fasal 52* memperuntukkan bahawa tiada apa-apa jua pun, melainkan jika diperuntukkan dengan khusus dalam Bahagian VI, boleh membenarkan apa-apa penyiasatan oleh Pendaftar mengenai urusan sesuatu bank, bank saudagar, institusi berlesen atau bank Islam.

58. *Fasal 53* memberi kuasa kepada Pendaftar untuk menghendaki pengemukaan rekod-rekod oleh suatu depositori pusat, syarikat namaan bagi suatu depositori pusat, ejen depositori diberikuasa, pengguna atau mana-mana pegawai mereka.

59. *Fasal 54* memberi kuasa kepada Pendaftar untuk memasuki dan menggeledah mana-mana premis jika dia mempunyai alasan-alasan munasabah bagi mengesyaki bahawa suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan ini telah atau sedang dilakukan atau bahawa terdapat di sesuatu premis tertentu apa-apa rekod atau akaun yang pengemukaannya telah dikehendaki di bawah *fasal 53*.

60. *Fasal 55* menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menghalang Pendaftar pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah *fasal 53* atau *54*.

61. *Fasal 56* memberi kuasa kepada Pendaftar untuk menghendaki sesuatu depositori pusat atau ejen depositori diberikuasanya untuk membuat pendedahan-pendedahan tertentu berhubungan dengan pemerolehan dan pelupusan sekuriti-sekuriti telah-deposit.

62. *Fasal 57* memberi kuasa kepada Pendaftar untuk membuat penyiasatan jika dia mengesyaki bahawa suatu kesalahan telah dilakukan atau akan dilakukan.

63. *Fasal 58* memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk membuat perintah-perintah tertentu atas permohonan Pendaftar atau suatu depositori pusat bagi maksud-maksud Rang Undang-Undang ini atau bagi menguatkuasakan kaedah-kaedah depositori pusat itu.

64. Bahagian VII adalah mengenai peruntukan-peruntukan am. *Fasal 59* memperuntukkan bahawa semua rekod dan akaun sesuatu depositori pusat dan ejen-ejen depositori diberikuasanya hendaklah disimpan selama tempoh tujuh tahun.

65. *Fasal 60* memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan tertentu.

66. *Fasal 61* memperuntukkan bahawa pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan terhadap Akta yang dicadangkan ini boleh dijalankan oleh Pendaftar atau oleh seseorang pegawai yang diberikuasa olehnya secara bertulis.

67. *Fasal 62* memperuntukkan bahawa seseorang tidaklah boleh didakwa dalam mana-mana mahkamah bagi apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan atau diperintahkan supaya dilakukan olehnya dengan suci hati atau dengan maksud menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa tugas yang diberikan atau dikenakan ke atasnya di bawah Akta yang dicadangkan ini.

68. *Fasal 63* memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

69. *Fasal 64* memperuntukkan bahawa bagi maksud-maksud pemakaian Akta Syarikat 1965 berhubung dengan sesuatu sekuriti telah-deposit, sebutan mengenai seseorang penerima umpukan dalam Akta itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai seseorang pendeposit.

70. *Fasal 65* bertujuan untuk mengecualikan sesuatu depository pusat, syarikat namaannya dan ejen-ejen depository diberikuasanya daripada dikehendaki oleh Pendaftar untuk membekalkan maklumat dan butir-butir yang dinyatakan dalam seksyen 69A Akta Syarikat 1965.

71. *Fasal 66* memperuntukkan bahawa bagi maksud-maksud pemakaian seksyen 102 Akta Syarikat 1965 berhubung dengan sesuatu sekuriti telah-deposit, sebutan mengenai seseorang pemunya dalam seksyen tersebut hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai sesuatu depository pusat walaupun pendaftaran masih belum selesai.

72. *Fasal 67* memperuntukkan bahawa bagi maksud-maksud pemakaian subseksyen 103(3) Akta Syarikat 1965 berhubung dengan sesuatu sekuriti telah-deposit, sebutan dalam seksyen tersebut mengenai sesuatu syarikat hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai sesuatu depository pusat atau ejen depository diberikuasa.

73. *Fasal 68* memperuntukkan bahawa bagi maksud-maksud pemakaian perenggan 166(1)(a) dan 166(1)(c) Akta Syarikat 1965, sebutan mengenai anggota-anggota syarikat dalam seksyen tersebut hendaklah ditafsirkan sebagai termasuklah pendeposit-pendeposit yang disifatkan sebagai anggota-anggota menurut kuasa seksyen 35 Akta yang dicadangkan.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1637.]